

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I

Bil. 38

Hari Rabu

16hb Disember, 1987

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff

Y.B. Dr. Tan Chong Keng

(Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA :

Mengalu-alukan Ahli-abli Baru

(Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan)

(Ruangan 34)

Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan)

(Ruangan 50)

Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan)

(Ruangan 66)

Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Pindaan)

(Ruangan 71)

Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sabah) (Pindaan)

(Ruangan 73)

Rang Undang-undang Pemberipinjam Wang (Sarawak)(Pindaan)

(Ruangan 75)

Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan)

(Ruangan 77)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 16hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebut-kari dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Syed Abdui Hamid bin Sagaff.

Dr. Tan Chong Keng.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi, Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedab kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

AGENSI KEMENTERIAN PERUSAHAAN AWAM - KEDUDUKAN KEWANGAN

1. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bagaimanakah kedudukan kewangan (untung/rugi) dan hutang yang belum diselesaikan oleh semua perusahaan awam dan subsidiari-subsidiarinya. Berapakah di antara mereka yang disifatkan berada dalam keadaan kewangan yang stabil dan berapakah yang Kementeriannya merancang untuk menutup.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pada 31hb Disember, 1986 menunjukkan bahawa kebanyakan daripada agensi-agensi yang terletak di bawah pengawasan Kementerian Perusahaan Awam celah berjaya mencatatkan keuntungan. Daripada 22 buah agensi yang diawasi, sebanyak 14 agensi lagi telah berjaya mencatatkan keuntungan semasa manakala 8 buah agensi lagi telah menanggung kerugian semasa. Agensi-agensi yang mengalami kerugian tersebut adalah terdiri daripada 4 buah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri iaitu Kedah, Negeri Sembilan, Terengganu dan Sabah; UDA; Bank Pembangunan Malaysia Berhad; Kumpulan FIMA Berhad dan MSE. Walau bagaimanapun, jika dilihat kepada angka-angka terkumpulnya hanya 6 buah agensi sahaja yang menanggung kerugian iaitu 2 buah PKEN iaitu Perlis dan Sabah; sebuah PKPN (LKPP); UDA; Kumpulan FIMA Berhad dan MSE.

Statistik yang ada menunjukkan jumlah **liabiliti** kesemua agensi di atas pada 31hb Disember, 1986 adalah sebanyak \$6,630 juta. Daripada jumlah ini, \$4,588 juta (69%) adalah merupakan **liabiliti** jangka panjang agensi-agensi berkenaan. Sungguhpun begitu, jumlah aset yang dimiliki oleh kesemua agensi-agensi di atas masih berupaya untuk menampung **liabiliti** tersebut di mana jumlah aset keseluruhan agensi-agensi di bawah pengawasan Kementerian adalah sebanyak \$8,829 juta.

Berkaitan dengan kedudukan prestasi syarikat-syarikat anak di mana Kerajaan mempunyai ekuiti 51% dan ke atas, daripada jumlah 190 buah syarikat anak milikan agensi-agensi di bawah pengawasan Kementerian, 78 buah syarikat (41%) telah berjaya mencatatkan keuntungan dalam tahun kewangan 1986 manakala 112 buah lagi telah menanggung kerugian semasa. Kedudukan prestasi seperti ini adalah seperti mana

juga yang dialami oleh syarikat-syarikat swasta yang mana sentiasa menghadapi risiko perniagaan yang tinggi, lebih-lebih lagi syarikat-syarikat agensi berkenaan yang kebanyakannya menceburi bidang-bidang di mana penyertaan bumiputera adalah sangat berkurangan dan mereka bertindak sebagai pelopor dalam bidang-bidang tertentu.

Jumlah **liabiliti** keseluruhan syarikat-syarikat anak di atas adalah sebanyak \$4.518 juta yang mana 23% (\$1,050 juta) adalah merupakan **liabiliti** jangka panjang manakala bakinya merupakan **liabiliti** jangka pendek. Sungguhpun angka ini agak besar akan tetapi jumlah aset yang dimiliki oleh syarikat-syarikat berkenaan masih berupaya untuk menampung kesemua **liabiliti** berkenaan. Jumlah aset yang dimiliki oleh kesemua syarikat berkenaan pada 31hb Disember, 1986 adalah sebanyak \$6,041 juta.

Bagi syarikat yang prestasi kewangannya tidak memuaskan usaha-usaha untuk membaik pulihnya sentiasa ditnbnil oleh agensi- agensi berkaitan dan sekiranya usaha-usaha berkenaan masih tidak dapat memperbaiki prestasinya, maka alternatif sama ada untuk menutup atau menjual syarikat-syarikat berkenaan akan diambil. Sehingga kini sejumlah 24 buah syarikat anak milikan agensi-agensi di bawah pengawasan Kementerian telahpun ditutup manakala sejumlah 21 buah syarikat lagi telahpun dijual.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri memberi penerangan. Tadi Timbalan Menteri raengatakan agensi-agensi Kerajaan hanya memasuki bidang yang mana bumiputera kurang menceburi. Bagaimana dengan agensi-agensi Kerajaan yang banyak melibatkan diri dalam bidang pembinaan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat pembinaan yang dipelopori oleh badan-badan agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam selalunya bertindak sebagai payung kepada syarikat-syarikat bumiputera ataupun di mana didapati syarikat bumiputera belum berkemampuan untuk melibatkan diri di

dalam projek-projek yang tertentu seperti keadaan modal dan lain-lainnya, maka syarikat-syarikat yang mempelopori oleh agensi-agensi ini bertindak sebagai pelopor kepada syarikat-syarikat bumiputera,

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ada usaha-usaha daripada anak-anak syarikat Kerajaan ini yang berlawanan dengan usaha-usaha yang dibuat oleh orang perseorangan di kebanyakan negeri?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, seboleh-bolehnya memang agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam diarah supaya jangan bertindak untuk bersaing dengan syarikat-syarikat bumiputera atau pengusaha-pengusaha bumiputera. Walau bagaimanapun, kemungkinan wujudnya persaingan ini di masa-masa yang lalu atau di masa kini disebabkan kerana belum ada wujudnya kemampuan badan-badan bumiputera atau syarikat-syarikat bumiputera atau individu yang boleh diambil alih. Walau bagaimanapun pihak Kementerian sentiasa memberi peluang dan akan berunding kepada mana-mana pihak yang sanggup untuk mengambil alih syarikat-syarikat tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walau bagaimanapun kita memberikan keutamaan kepada Perbadanan Nasional Bhd. untuk dimasukkan ke dalam Amanah Saham Nasional.

HELIKOPTER "WASP" UNTUK TLDM

2. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan, baru-baru ini TLDM telah menandatangani satu perjanjian untuk membeli 5 buah helikopter dengan sebuah syarikat Britain, berapa harga satu helikopter tersebut.

Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj]: - Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan Malaysia telahpun menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan British untuk membeli 6 buah helikopter terpakai, bukan 5 buah seperti yang disoal, jenis

WASP dengan harga \$600,000 sesebuah. Perolehan helikopter-helikopter tersebut adalah untuk kegunaan Tentera Laut Di-Raja Malaysia.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah Angkatan Tentera, banyak jenis kapalterbang yang digunakan oleh mereka termasuk helikopter. Apakah tanggungjawab utama dan kepentingan negara oleh Angkatan Tentera dengan menggunakan helikopter?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, di mana yang kapalterbang atau pesawat yang bercorak sayap ataupun fixed wing tidak dapat digunakan oleh sebab keperluan operasi-operasi yang tertentu, maka terpaksa kita menggunakan helikopter. Bermacam-macam helikopter yang digunakan. Ada setengah helikopter untuk satu-satu kegunaan yang kecil dan ada yang besar sebab itulah perlu kita teliti keperluan-keperluan Angkatan Tentera kita yang memerlukan satu-satu corak atau jenis helikopter ini. Helikopter jenis WASP ini adalah untuk kegunaan Angkatan Tentera Laut kita yang mana helikopter WASP ini telah digunakan oleh Angkatan Tentera Laut British.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah ada rancangan Kementerian Pertahanan untuk membeli helikopter buatan Indonesia yang mana difahamkan mutunya sama baik dengan helikopter buatan negeri Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah membuat tempahan untuk membeli sebuah helikopter yang dibuat di Indonesia.

PENDATANG HARAM

3. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat pendatang-pendatang haram yang memasuki ke negara kita melalui Pantai Barat dan bermastautin di sebelah utara negeri kita seperti Kedah dan Perlis.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini tetapi amatlah sukar bagi pihak berkuasa mengesan pendatang-pendatang haram ini kerana mereka sentiasa berpindah dari satu tempat ke satu tempat lain untuk mengelakkan diri dari dikesan oleh pihak berkuasa. Walau bagaimana pun pihak berkuasa sentiasa mengambil tindakan tegas untuk mengesan, menangkap, mendakwa, mengusir pendatang-pendatang haram yang memasuki negara ini secara haram.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah kawalan dari segi sebelah laut kita tidak begitu tegas ataupun ketat yang boleh dibuat sehingga ke pantai barat juga terdapat pendatang haram masuk?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mana sempadannya mempunyai laut yang begitu panjang, adalah sukar bagi negara kita untuk menunggu di tiap-tiap inci serapadan kita, terutama di celah pokok-pokok bakau dan sebagainya walhal negara yang paling maju, Amerika sendiri, tidak dapat menahan kemasukan beribu-ribu pendatang haram setiap hari ke Amerika.

PEMEGANG BIASISWA KERAJAAN KE LUAR NEGERI

4. Dato' Dr. K.S, Nijhar minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kelebihan menghantar pemegang-pemegang biasiswa ke luar negeri daripada raelatihkan mereka di tanahair dengan mewujudkan beberapa universiti-universiti dan maktab-maktab cempatan.

Timbalan Meoteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terpaksa menghantar pelajar-pelajar tajaannya ke luar negeri bila tempat di

universiti-universiti tempatan di dalam bidang-bidang tertentu tidak mencukupi ataupun setengah-setengah kursus yang diperlukan tidak ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Di samping itu adalah perlu bagi pelajar-pelajar yang baik dihantar ke luar negeri untuk mendapatkan pendidikan yang lebih di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penubuhan universiti-universiti baru memerlukan perbelanjaan yang besar dan masa yang panjang. Memandangkan keadaan kewangan negara yang tidak mengizinkan pada masa ini, adalah dirasakan lebih menguntungkan dengan menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri di samping memperbesarkan universiti-universiti yang telah sedia ada daripada mewujudkan beberapa universiti baru.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan 100,000 pelajar-pelajar di luar negeri seperti di Amerika Syarikat, Britain, Kanada dan Australia. Sekiranya seorang pelajar belanja \$2,000 lebih kurang \$2 juta tukaran wang asing keluar dari negeri kita. Bolehkah Kementerian Pendidikan mendirikan universiti dan kolej di sini untuk menampung pelajar-pelajar supaya pengaliran keluar wang tidak berlaku.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak menghadkan ibu-bapa memberi peluang kepada anak-anaknya belajar di luar negeri sebab mereka merabelanjakan dengan wangnya sendiri, tetapi Kerajaan hendak menjimatkan wang Kerajaan sahaja. Peluang diberikan kepada pelajar-pelajar belajar di luar negeri pun memberi kesan yang baik sebab kita dapat kursus-kursus yang tidak dapat pelajari di universiti-universiti tempatan. Dan untuk menjimatkan wang foreign exchange itu, Kementerian Kewangan akan mengkaji bagaimana menjimatkannya.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, oleh kerana peluang kerja untuk pelajar-pelajar yang memegang biasiswa daripada Kerajaan sendiri pun tidak mendapat tempat di waktu ini, maka tidakkah pihak Kerajaan memikirkan bahawa biasiswa tidak perlu diwujudkan masa kini sehingga negara memerlukannya. Terima kasih.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita hendak negara kita maju, kita hendaklah memberi lebih tinggi sekali pelajar-pelajar dan pengalaman kepada rakyat kita sendiri. Kita bukanlah hendak menunggu peluang sahaja untuk melatih pelajar kita

sampai peluang itu akan hilang. Kita mesti menyediakan kemahiran untuk rakyat kita dan selepas peluang ada, mereka akan dapat kerja yang baik. Sekarang ini satu situasi kemerosotan ekonomi dan kita yakin pada beberapa tahun akan datang kewangan atau ekonomi kita akan pulih.

PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN

5. **Tuan M. Sangaralingam** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja sepanjang tahun ini dan nyatakan sektor-sektor utama yang terlibat; dan
- (b) berapakah juralah penganggur yang dapat ditawarkan kerja oleh Kementerian Buruh sepanjang tahun 1987.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana maklumat yang dapat dikumpulkan oleh Kementerian Buruh, jumlah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja sepanjang tahun ini ialah seramai 10,798 orang. Sektor-sektor utama yang terlibat ialah sektor pembuatan, sektor pembinaan dan sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran;
- (b) Jumlah penganggur yang dapat ditawarkan kerja oleh Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Keraenterian Buruh sehingga bulan September tahun ini ialah berjumlah 14,638 orang.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan pengangguran pada masa sekarang di negara kita adakah bertambah atau berkurangan. Sekiranya ada bertambah, apa tindakan-tindakan atau langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan oleh kerana pengangguran ini sangat bahaya kepada negara kita. Ada satu cabaran besar.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, di dalam masa Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan baru-baru ini menjangkakan bahawa pelaburan akan bertambah. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa mencari jalan untuk mengatasi perkara ini termasuklah satu program latihan semula kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dan juga sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diwujudkan. Jawatankuasa Kabinet ini juga mengenalpasti beberapa program seperti pembinaan rumah kos rendah, pemberian tanah bekas lombong bagi tujuan pertanian, pemberian lesen penjaja kecil juga dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain.

TV MALAYSIA RANCANGAN BAHASA CINA

6. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang menambah rancangan-rancangan dalam bahasa Cina di TV Malaysia terutama menyiarkan program-program termasuk tayangan gambar yang bernilai pendidikan tidak mempunyai unsur-unsur pembunuhan, balas dendam, atau nilai-nilai barat yang kurang sihat). Sekiranya ada, bilakah ianya akan disiarkan.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, RTM sentiasa berusaha untuk menambahkan rancangan-rancangan televisyen dalam Bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Cina. Pada masa ini RTM2 sedia menyiarkan berbagai-bagai rancangan dalam bahasa China melalui 'Chinese Belt' daripada pukul 7.00 hingga pukul 8.00 malam. Di antara program-program bahasa Cina yang lain ialah Warta Berita dalam bahasa Mandarin, drama tempatan bersiri "keluarga" dan rancangan majalah "Lembaran Minggu".

RTM sentiasa memilih dan menapis rancangan-rancangannya dan tayangan-tayangan gambar supaya ia lebih bercorak pendidikan dan unsur-unsur pembunuhan, balas dendam atau nilai-nilai Barat yang kurang sihat dan nilai-nilai yang negatif tidak akan ditonjolkan. Usaha pemiihan dan penapisan itu akaos terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya rancangan-rancangan yang disiarkan kelak adalah lebih sesuai dengaa tujuan perabinaan dan pembangunan bangsa, negara dan masyarakat.

MINYAK KELAPA SAWIT - HARGA

7. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tentang perbezaan harga barang komoditi kita iaitu minyak kelapa sawit yang kita eksport keluar negeri, antara kita tiga buah negara ini, siapakah yang lebih banyak mengeluarkan minyak kelapa sawit dan juga raengeksport keluar negeri dan harganya adakah sama atau negara mana yang lebih tinggl dan juga mutunya yang lebih baik, dan nyatakan ke blok negara mana yang kita dapat lebih pasarkan minyak kelapa sawit kita, dao bagaimana kita dapat melawan kempen anti minyak kelapa sawit kita di Amerika Syarikat yang telah dihebohkan baru-baru ini keberkesanannya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang dibuat oleh sahabat saya Tuan Senator Hassan bin Nam.

Untuk menjawabnya, sukalah saya menjelaskan bahawa Malaysia adalah pengeluar minyak sawit terbesar bukan sahaja kalau dibanding dengan Indonesia dan negara Thai, bahkan juga negara-negara lain pengeluar minyak sawit di dunia iaitu antara dua buah negara jiran yang terdapat dengan kita, seperti Thailand dan Indonesia.

Pada tahun 1986 Malaysia mengeluarkan sebanyak 4.54 juta tan metrik minyak sawit atau 60% daripada jumlah pengeluaran dunia seluruhnya, Sementara Indonesia dan negeri Thai, masing-masing mengeluarkan sebanyak 1.24 juta tan metrik dan 100,000 tan metrik sahaja.

Dari segi mutu pula, Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Sawit Malaysia (PORLA) dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa mutu minyak yang dieksport adalah sentiasa tinggi. Minyak sawit Malaysia yang dieksport telahpun diiktiraf dan dikenali sebagai bermutu tinggi di kalangan pengguna-pengguna di seluruh dunia.

Berkenaan dengan harga minyak sawit yang dieksport, pada hakikatnya penentuan harga minyak sawit adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor, di antaranya penawaran dan permintaan dalam negeri dan di pasaran dunia, wujud atau tidaknya peraturan . tertentu di antara pembeli dan penjual dan juga mutu minyak sawit berkenaan. Oleh itu adalah sukar untuk menentukan harga minyak sawit negara manakah yang mendapat harga yang tertinggi sekali. Namun demikian, adalah dipercayai bahawa pada amnya minyak sawit kita mendapat harga yang lebih baik kalau dibandingkan dengan minyak-minyak yang dieksport oleh negara-negara lain. Antara faktor yang penting ialah mutu minyak sawit kita yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, minyak sawit Malaysia dipasarkan di serata pelusuk dunia. Pada masa ini pasaran terbesar minyak sawit ialah benua kecil India yang meliputi negara India, Pakistan dan Bangladesh. Pada tahun lepas kumpulan negara ini sahaja telah mengimport secara terus sejumlah 1.53 milion tan metrik minyak kelapa sawit dari Malaysia, iaitu 855,861 tan metrik oleh India, 641,097 tan metrik oleh Pakistan dan 33,335 tan metrik oleh Bangladesh. Lain-lain negara yang juga pengimport utama minyak sawit Malaysia tahun lepas termasuklah Singapura 773,000 tan metrik, negara-negara EEC 498,000 tan metrik, Amerika Syarikat 304,000 tan metrik, Russia 178,000 tan metrik, negeri Jepun 220,000 tan metrik dan negara-negara Timur Tengah 526,000 tan metrik.

Mengenai soalan usaha untuk membenteras kempen anti minyak sawit yang dipelopori oleh Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat (ASA), saya telahpun menjawabnya secara terperinci pada persidangan 30hb November, 1987 yang lalu.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - KEMUDAHAN BERKAHWIN

8. Tuaa G. Rajoo minta Menteri Pertahanan menyatakan kemudahan-kemudahan yang akan diberi kepada askar-askar dari Semenanjung Malaysia yang berkahwin dengan gadis Sabah dan Sarawak bagi tujuan memupuk integrasi nasional.

Tengku Dato'Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, semua anggota Angkatan Tentera Malaysia sama ada dari Semenanjung ataupun dari Sabah dan Sarawak memang telah diberi kemudahan-kemudahan yang sama, sama ada mereka berkahwin dengan gadis dari Sabah, Sarawak ataupun Semenanjung.

Diantara kemudahao yang diperuntukkan kepada semua anggota Angkatan Tentera Malaysia adalah seperti:

- (a) kemudahan penerbangan untuk isteri dan anak-anak, pergi dan balik antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak;

- (b) elaun Sabah/Sarawak jika anggota-anggota tentera berkhidmat di negeri-negeri tersebut; dan
- (c) bayaran elaun sewa rumah jika tidak diperuntukkan rumah keluarga.

Elok benar askar-askar dari Semenanjung Malaysia berkahwin dengan gadis dari Sabah/Sarawak atau askar-askar dari Sabah/Sarawak berkahwin dengan gadis dari Semenanjung Malaysia untuk tujuan memupuk integrasi nasional.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan yang digalakkan askar kita berkahwin dengan gadis Sabah/Sarawak atau sebatiknya dari Semenanjung, tetapi beliau tidak menyatakan sama ada yang bujang atau yang telah beristeri dibolehkan bagi untuk menikah di Sabah/Sarawak ataupun sebaliknya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, itu susah saya hendak jawab sedikit. Yang saya galakkan itu tujuannya orang-orang yang bujang. Jadi, kalau boleh saya tidak mahulah galakkan askar berkahwin lebih daripada satu, kerana wanita kita dalam dunia ini mesti ada kerjasama yang erat. Jadi, saya rasa eloklah yang bujang sahaja kahwin, jangan yang sudah ada isteri. [Ketawa]

IJAZAH UNIVERSITI DI PAKISTAN/BANGLADESH/INDIA - PENGIKTIRAFAN

9. **Puan Valli Muthusamy** minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah Kerajaan mempertimbangkan untuk mengiktiraf ijazah-ijazah Kejuruteraan, Pertanian, Undang-undang dan Sains dan Universiti-universiti di Pakistan, Bangladesh dan India.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menambah pengiktirafan ijazah-ijazah Kejuruteraan, Pertanian, Undang-undang dan Sains dari Universiti-universiti di Pakistan, Bangladesh dan India. Kelulusan dalam bidang-bidang berkenaan yang telah diiktiraf

oleh Kerajaan adalah mencukupi bagi tujuan memenuhi keperluan dalam Perkhidmatan Awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengiktiraf ijazah-ijazah dari 118 buah universiti dari Pakistan, Bangladesh dan India dengan pecahan seperti berikut:

- (i) Pakistan sebanyak 17 buah universiti;
- (ii) Bangladesh sebanyak 3 buah universiti;
- (iii) India sebanyak 98 buah universiti.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria-kriteria yang terlibat dalam pengiktirafan ijazah-ijazah dari universiti-universiti luar negeri memandangkan banyak ijazah-ijazah dari universiti yang terkemuka di dunia ini tidak diiktirafkan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu sekali mengkaji, sudah pasti kualiti ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti-universiti luar negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Awam. Sudah pasti Kerajaan akan membuat kajian bagi tiap-tiap universiti yang kita hendak iktiraf ijazahnya itu supaya ianya dapat melengkapi ataupun dapat memenuhi kehendak Kerajaan. Itulah satu sebab ataupun kriteria yang paling besar kita gunakan supaya ianya bersesuaian dengan kehendak Kerajaan pada masa ini.

PROTON SAGA - JUALAN KERETA

10. **Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan kereta Proton Saga yang telah dijual setakat hari ini;
- (b) adakah Kerajaan akan menimbang supaya menjadikannya suatu kemestian bagi kakitangan Kerajaan yang membeli kereta dengan pinjaman Kerajaan disyaratkan hanya boleh membeli kereta Proton Saga; dan
- (c) bagaimanakah taraf kejayaan kita menjualkan kereta-kereta Proton Saga ke negara-negara asing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, dari tarikh pelancaran Proton Saga pada 1hb September, 1985 hingga 31hb Oktober, 1987 jumlah jualan kereta Proton Saga di pasaran dalam negeri ialah sebanyak 49,680 unit. Ini merupakan 57.5% daripada pasaran kereta tempatan bagi kelas di bawah 1600 c.c.

Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mensyaratkan semua kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman dari Kerajaan untuk membeli kereta Proton Saga. Namun begitu sebagai usaha untuk meningkatkan penggunaan keluaran tempatan, Kerajaan memang menggalakkan supaya kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman dari Kerajaan untuk membeli kereta Proton Saga.

Sehingga 31hb Oktober sebanyak 425 unit kereta Proton Saga telah dieksport ke negara-negara Bangladesh, Brunei Darussalam, New Zealand, Malta dan Sri Lanka. Sungguhpun bilangan ini adalah kecil tetapi bagi PROTON ini merupakan satu pembuka jalan untuk menerokai pasaran eksport yang lebih besar.

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar menurut desas-desus orang ramai, ada yang mengatakan bahawa harga Proton Saga ini lebih murah yang dipasarkan di luar negeri daripada yang harganya di Malaysia ini.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN - EKUTI KAUM INDIA

11. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan memandangkan kaum India hanya mempunyai ekuiti kurang dari 1% dalam bidang ekonomi, jadi apakah langkah-langkah yang Kementerian Perusahaan Awam akan mengatur untuk memperbaiki keadaan dalam peruntukan lesen-lesen lori permit A, Lesen bas ekspres, permit teksi, bas sekolah dan bas kilang.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu daripada tahun 1982 hingga Oktober, 1987 sebanyak 4% atau 1,137 daripada jumlah 28,650 berbagai jenis lesen kenderaan perdagangan telah dikeluarkan kepada kaum India. Walaupun pengeluaran-pengeluaran lesen kepada kaum India mengikut peratusnya adalah kecil, tetapi itu tidaklah bermakna permohonan daripada kaum India tidak diberi perhatian oleh Kementerian.

Kementerian Perusahaan Awam memang berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Jika dibandingkan dengan jumlah permohonan yang diterima pada keseluruhannya, permohonan dari kaum India adalah kecil. Sebaliknya pula berdasarkan kepada bilangan permohonan daripada kaum India, jumlah yang diluluskan adalah memuaskan. Misalnya daripada bulan Januari, 1987 hingga September, 1987 Kementerian telah menerima sebanyak 594 permohonan daripada kaum India dan daripada jumlah ini sebanyak 181 permohonan telah diluluskan untuk semua jenis lesen kenderaan perdagangan. Jumlah kelulusan ini merupakan 30.4% dari jumlah permohonan daripada kaum India.

Ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Perusahaan Awam sentiasa memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan-permohonan daripada semua kaum termasuk juga kaum India yang memenuhi kriteria-kriteria asas bagi mendapatkan sesuatu lesen itu iaitu pemohon-pemohon berkenaan mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepentingan berserta dengan kenderaan yang dipohon oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Woong Kie Yik.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

FERI MALAYSIA

12. **Tuan Chan Choong Tak (di bawah S.O. 23(2))** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai perkhidmatan Feri Malaysia, banyak pelancong-pelancong dari Sarawak dan Sabah bersungut kerana terpaksa menaiki teksi dari Pelabuhan Kuantan jika mereka ingin melawat ke Bandar-bandar di Barat Semenanjung, bolehkah Kerajaan menimbangkan atau mengkaji kemungkinan mengabahkan tempat persinggahan Feri Malaysia ke Pelabuhan Kelang pula untuk memudahkan perjalanan pelancong-pelancong dari Sarawak dan Sabah.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan Pelabuhan Kelang sebagai salah satu daripada destinasi pelayaran Feri Malaysia. Perjalanan baru ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya benarkah perkhidmatan Feri Malaysia sekarang ini ditangguhkan kerana masalah kemalangan dan bilakah ianya dimulakan semula.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, betul dan perkhidmatan ini kita akan mulakan pada awal bulan Januari tahun hadapan.

PERNAS KOMISYEN BARANGAN IMPORT DARI CHINA

13. **Tuan Lim Heng Tee** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah komisyen yang telah dikutip oleh PERNAS dari $\frac{1}{2}\%$ komisyen ke atas semua barangan import dari Negeri China sejak ianya diimplimentasikan.
- (b) berapakah anggaran angka yang diperolehi bagi tahun 1987 dan 1988; dan
- (c) apakah tujuan memperuntukkan \$64 juta kepada PERNAS dalam Belanjawan 1988.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) adalah menjadi dasar serta amalan PERNAS sebagai sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat tidak membuat pengumuman secara terperinci atas perkara-perkara yang berkaitan dengan urusanniaganya sama ada ianya berupa komisyen, royalti atau apa jua bentuk pembayaran berkaitan dengan perniagaannya.
- (b) jumlah komisyen yang diperolehi adalah bergantung kepada jumlah import yang dapat dihasilkan ketika itu.
- (c) peruntukan sebanyak \$64 juta kepada PERNAS dalam Belanjawan tahun 1988 adalah untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti pelaburan kurapulan PERNAS khususnya dalam bidang perhotelan, perkapalan dan juga bidang perniagaan dan.runcit.

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

14; **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana menteri menyatakan, berkaitan dengan projek-projek yang dijangka dibangunkan di sekitar Wilayah Persekutuan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan dan yang mana banyak kawasan setinggan telah diluluskan kepada pemaju-pemaju yang memohon untuk memajukan kawasan tersebut, adakah Kementerian mengambil perhatian jangka masa dan berraulanya prbjek-projek ini kerana terdapat pemaju-pemaju yang telah berjanji bahawa projek tersebut akan disiapkan dalam masa seberapa segera tetapi masih lagi belum bermula kerja-kerja pembangunannya; dan ini menimbulkan perbalahan antara penduduk-penduduk setinggan dengan pemaju-pemaju. Oleh yang demikian adakah Kementerian bercadang mehgambil tindakan terhadap pemaju-pemaju ataupun menasihatkan pemaju-pemaju untuk metnberi gantirugi kepada setinggan-setinggan yang telah berpindah lebih awal daripada masa projek itu dimulakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan di bawah Projek Pembangunan Semula Kawasan Setinggan. Kawasan setinggan yang terlibat dengan projek ini akan dibangunkan dengan projek perumahan, yang dilaksanakan oleh pemaju-pemaju berkenaan.

Untuk membangunkan sesuatu kawasan setinggan, tidaklah sama dengan projek-projek perumahan lain yang tidak melibatkan kawasan setinggan.

Kerajaan sedar bahawa ada berlaku kelewatan pada peringkat permulaannya terhadap pelaksanaan sesuatu projek tersebut.

Di antara lain, keadaan ini berlaku adalah disebabkan:

- (i) untuk memasti dan mengesahkan senarai sebenar penduduk setinggan yang terlibat bagi sesuatu kawasan itu, akan mengambil jangka masa yang lama;
- (ii) selain daripada itu, pihak pemaju juga akan mengambil suatu jangka masa tertentu untuk merabuat kajian semula terhadap 'viability' sesuatu projek itu; dan
- (iii) di samping itu, proaes untuk menempatkan setinggan bagi penempatan sementara, adalah memakan masa yang panjang dan tidak dapat ditentukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir kesemua projek perabangunan kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan, adalah kawasan-kawasan tanah bekas lombong. Untuk membangunkannya, kerja-kerja membaik-pulih tanah tersebut perla dijalankan terlebih

dahulu supaya ia cukup sesuai dan selamat digunakan bagi maksud projek perumahan.

Oleh hal yang demikian, berlakulah kelewatan pemaju memulakan projek-projek tersebut dan di antara lain disebabkan oleh beberapa faktor yang disebutkan tadi serta faktor-faktor lain yang berkaitan, Meneliti keadaan ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan terhadap pemaju-peraju tersebut raelainkan pemaju-pemaju berkenaan itu telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan kepadanya dalam membangunkan projek-projek perumahan itu.

Sehubungan dengan itu, suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan tidak menggalakkan setinggaan-setinggaan yang terlibat dengan projek pembangunan semula setinggaan itu supaya berpindah lebih awal sebelum projek dimulakan atau sebelum arahan dikeluarkan, Bagi mereka yang berbuat demikian, bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan Kerajaan tidak akan memberi sebarang ganti rugi kepada mereka,

PROGRAM PENDIDIKAN DI SEKOLAH BANTUAN MODAL

15. **Tuan Ng Peag Hay** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah peruntukan telah disediakan bagi sekolah-sekolah jenis bantuan modal bagi tahun 1988.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1988, Agensi Pusat telah meluluskan peruntukan berjumlah \$2,081,710 bagi Kementerian ini untuk menjalankan program pendidikan di Sekolah-sekolah Bantuan Modal,

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Macam manakah sekolah-sekolah yang telah dijanjikan peruntukan untuk dibaiki ataupun pembinaan semula bilik-bilik darjah dan pada hari ini pembinaannya sudahpun disiapkan, tetapi bayaran belum dijelaskan. Contohnya ada sebuah sekolah Cina di Jasin, Melaka, yang mana pihak LPS terpaksa berhutang bank sehingga \$50,000. Adakah Kementerian akan memberi peruntukan pada tahun akan datang?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberikan itu akan dibayar mengikut giliran iaitu sama ada bantuan yang diberikan itu sudah dapat Sijil Akuan dari Bahagian Kewangan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sijil Akuan pun telah dikeluarkan, tetapi sehingga hari ini belum dapat bayaran,

Tuan Woon See Chin: Sekiranya Sijil Akuan sudah dikeluarkan ini sudah bererti wang itu sudah dijamin oleh Kementerian Pendidikan dan kelambatan ini adalah disebabkan teknikal atau pemborong itu tnerajukan tuntutan kepada Kementerian Pendidikan.

PENERBANGAN HAJI KE MEKAH

16. **Tuan R.M. Jasni** minta Perdana Menteri menerangkan sama ada Syarikat Penerbangan lain boleh mengendalikan penerbangan Haji ke Mekah lebih murah daripada yang boleh diberikan oleh MAS, berikutan cadangan MAS untuk menaikkan tambang penerbangan Hajinya ke Mekah tahun hadapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diumumkan dalam bulan November lalu, MAS tidak akan menaikkan tambang penerbangan Haji bagi musim Haji tahun hadapan.

Setelah dikaji, didapati tidak ada syarikat penerbangan lain yang boleh mengendalikan penerbangan Charter Haji ke Tanah Suci dengan tambang yang lebih murah dari apa yang dikenakan oleh MAS.

Tuan Mustafa bin Awang: Soalan tamahan, Tuan Yang di-Pertua, Memandangkan kepada Syarikat MAS ini rnehmerolehi keuntungan yang banyak, tidakkah boleh tambang menunai Fardhu Haji ini dikurangkan?

Dato' Dr. Moharaad Yusot bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat ini bukan itu yang sedang difikirkan oleh Lerabaga Urusan dan Tabung Haji. Tetapi apa yang difikirkan ialah bagaimana kita hendak menggunakan keuntungan yang diperolehi itu untuk dimanfaatkan kepada pertamanya kebajikan dan yang keduanya kepada ahli-ahli yang menyimpan di Tabung Haji. Belum sampai masanya untuk memikirkan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

AGENSI KKRAJAAH DIAMBILALIH OLEH BUMIPUTERA

17. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihaknya bercadang menyerahkan syarikat pembinaan yang dimiliki oleh Kerajaan atau agensi-agensi kepada kontraktor Bumiputra memandangkan kemampuan kontraktor-kontraktor dan peniaga-peniaga Bumiputera untuk mengambilalih dan menguruskan syarikat-syarikat tersebut,

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya mempunyai dasar untuk menjual saham-saham yang dipegangnya dalam semua syarikat amanah termasuk syarikat pembinaan kepada bumiputera, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Pemindahan Hakmilik saham Kerajaan kepada bumiputera yang berkuatkuasa sejak tahun 1980.

Mengenai dengan sektor pembinaan khususnya, Kerajaan sememangnya menyedari bahawa kontraktor bumiputera sudah mempunyai keupayaan dan mempunyai kemampuan dalam bidang ini dan dengan demikian telahpun mengarahkan agensi-agensi Kerajaan supaya tidak lagi menubuhkan anak-anak syarikat dalam bidang pembinaan tetapi beransur-ansur mengundurkan diri dari projek-projek sedemikian.

KURSUS BAKAL PENGANTIN

18. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan adakah program-program atau kursus-kursus diatur-/dilakukan kepada bakal-bakal pengantin supaya kesejahteraan rumah-tangga dan kesejahteraan ununah dapat dicapai.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Hal Ehwal Islam, di Jabatan Perdana Menteri setakat ini tidak pernah menganjurkan program-program atau kursus-kursus kepada bakal-bakal pengantin. Setakat ini hanya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri ada menganjurkan kursus mengenai dengan perkahwinan. Walau bagaimanapun di dalam kursus-kursus dakwah anjuran Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri ada dimasukkan secara tidak Langeung satu ceramah mengenai dengan perkahwinan di dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ramai Ahli-ahli yang berminat mengenai perkara ini bolehlah bertanya. **[Ketawa]**

INDUSTRI PERKAPALAN

19. Tuan Raji Jaafar bin Haron minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Industri Perkapalan ditubuhkan. Sejak mula ianya ditubuhkan apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan mengenai hubungan dagangan langsung dalam menyokong usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan penggunaan pelabuhan terapan,

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya fahami dari soalan ini Yang Berhormat ingin mengetahui tentang industri kapal dagang Malaysia.

Malaysia telah mempunyai kapal dagang semenjak sebelum zaman penjajah dahulu lagi. Tetapi sistem pendaftaran yang teratur bagi kapal-kapal yang mengibarkan bendera Malaysia hanya dimulakan dalam tahun 1953 sahaja. Pada akhir tahun 1986 sebanyak 917 buah kapal telah didaftarkan di seluruh Malaysia.

Daripada jumlah ini sebahagian besar daripadanya adalah kapal-kapal kecil yang menjalankan perkhidmatan dalam negeri. Hanya kapal-kapal besar kepunyaan Malaysia International Shipping Corporation (MISC), Perbadanan National Shipping Line (PNSL) serta beberapa syarikat kecil lain yang menjalankan perkhidmatan antara-bangsa.

Dalam usaha untuk meningkatkan perkembangan yang lebih giat di dalam industri kapal dagang ini, Kerajaan telah melaksanakan beberapa galakan atau insentif supaya lebih ramai lagi pelabur-pelabur sama ada dari dalam ataupun luar negeri menceburkan diri dalam bidang perkapalan negara ini.

Dengan usaha ini Kerajaan berharap kapal-kapal Malaysia akan melibatkan diri di dalam pengangkutan bagi perdagangan Malaysia dengan lain-lain negara dan dengan itu mempertingkatkan lagi penggunaan pelabuhan-pelabuhan yang ada di Malaysia.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA - KAMPUS TETAP

20. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri. Pendidikan menyatakan apakah perancangan untuk mendirikan kampus Universiti Islam Antarabangsa.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan keadaan ekonomi negara yang masih belum mengizinkan, pembinaan kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa di Bukit Tinggi, Bentong Pahang yang dijadual dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini telah ditangguhkan.

JABATAN KEKJARAYA - MENSWASTAKAN

21. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kerajaan menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang menswastakan sebahagian daripada JKR, supaya dapat menjimatkan kos pentadbiran dan di samping itu meningkatkan prestasi dan mendapat keuntungan, sama seperti Syarikat Telekom Malaysia.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk menswastakan mana-mana bahagian daripada Jabatan Kerjaraya.

RAKYAT ASING BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

22. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah rakyat asing yang dipinjamkan/yang dikontrakkan/skim-pertukaran pegawai antara Malaysia dengan negara-negara lain. Adakah tempat/jawatan/pekerjaan itu tidak dapat diisi oleh rakyat kita sendiri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15hb November, 1987 seramai 376 orang bukan warganegara telah dilantik berkhidmat secara kontrak di dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia. Kebanyakan jawatan yang diisi merupakan jawatan-jawatan profesional dan jawatan yang memerlukan kepakaran yang sukar diisi oleh pegawai-pegawai warganegara ketika ini.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya rainta jawapan, apakah jenis-jenis jawatan yang tidak boleh diisi oleh anak tempatan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, mengikut senarai yang ada pada saya, kita mempunyai 21 jenis pekerjaan atau jawatan yang diberi kepada warganegara asing. Ini yang paling ramai ialah Pensyarah Universiti seramai 127 orang.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kerajaan kita bercadang untuk menukarkan segera pegawai-pegawai yang dipinjam dengari anak negara kita mengenangkan pengangguran di peringkat terpelajar kita begitu meningkat tinggi dan rasanya sudah ada profesional dalam bahagian-bahagian ini di negara kita sendiri.

Dan kedua, sedarkah bahawa kemungkinan berlaku beberapa peristiwa-peristiwa yang disengajakan bagi mengekalkan jawatan-jawatan berkenaan dipinjamkan untuk warganegara luar negeri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, insya Allah Kerajaan setelah kita mendapat anak-anak tempatan yang berkebolehan dalam bidang profesional ini kita akan tnenggantikan sedikit demi sedikit dengan pekerja-pekerja warganegara asing.

Bagi soalan kedua, adalah tidak benar mengatakan bahawa Kerajaan memang sengaja mengada-adakan masalah untuk mengekalkan pekerja-pekerja warganegara asing ini.

PENYAKIT AIDS

23. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sudahkah ada pengidap Penyakit AIDS di negara ini, dan nyatakan langkah-langkah pengawalan yang dijalankan oleh Kementerian memandangkan merebaknya penyakit ini di negara jiran seperti Thailand dan Singapura.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji. Hussein bin Atunad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian yang berkenaan.

Untuk maklutan Ahli Yang Berb hormat, bilangan pengidap penyakit AIDS yang telah dilaporkan di negara ini ialah 2 kes, seorang pesakit AIDS (ARC) dan 5 pembawa kuman AIDS, Langkah-langkah pengawalan penyakit AIDS yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:-

- (i) Kementerian Kesihatan juga telah menerima pendermana darah dari mereka yang dalam golongan berisiko tinggi. Semua darah yang didermakan adalah diperiksa dengan telitinya untuk memastikan yang darah-darah ini tidak mengandungi antibodi terhadap kuman AIDS dan lain-lain penyakit pembawaan darah, sebelum darah itu digunakan untuk rawatan pesakit.
- (ii) Kementerian Kesihatan juga memerlukan sijil daripada setnua pengeluar darah yang dibeli dari luar negeri yang mengesahkan bahawa sumber-sumber darah berkenaan adalah diperolehi daripada penderma darah yang bukan dari golongan berisiko tinggi serta bahan tersebut telah disahkan,
- (iii) Memberi bimbingan perubatan kepada pesakit AIDS dan juga pembawa kuman AIDS.

HUTANG LUAR MALAYSIA

24. Dato' Dr. K. S. Nijhar minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada hutang luar negeri Malaysia adalah tinggi berbanding dengan negara-negara ASEAN dan sama ada faktor ini menjejaskan kesanggupan kita untuk meminjam lagi dari luar negeri.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengawal kedudukan hutang luar Malaysia. Berasaskan kepada angka-angka hutang luar yang ada dan meliputi kesemua negara-negara ASEAN, jumlah hutang luar Malaysia adalah rendah jika dibandingkan dengan beberapa negara ASEAN kecuali negara Singapura dan Brunei. Kedua-dua negara ini tidak mempunyai hutang luar negeri ataupun jumlah hutang luar mereka terlalu kecil.

Contohnya Brunei tidak langsung mempunyai hutang luar negeri. Dan Singapura hanya mempunyai lebih kurang pada tahun 1986 - 0.9%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah hutang pada masa kini tidaklah merupakan suatu penghalang untuk Kerajaan mendapat pinjaman baru. Malaysia bernasib baik kerana terdapat banyak institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia ataupun Tabung Bantuan Kewangan Negara-negara Asing masih sedia meraberi pinjaman dengan syarat-syarat pinjaman yang menarik.

Ini bermakna Kerajaan Malaysia masih mempunyai credit worthy yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1983 hutang foreign debt service ratio untuk negara Malaysia ialah 4.6% pada tahun 1983, 1984 - 5.8%, 1985 - 6.7% dan 1986 - 7.1%.

Dan mengikut angkanya pada tahun 1983 - \$7,576 juta, 1984 - \$8,614 juta, 1985 - \$14,563 juta, 1986 - \$16,605 juta.

Walau bagaimanapun mengikut angka-angka tersebut, Malaysia terletak nombor tiga terendah daripada negara-negara ASEAN yang lain di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Sangamlingam.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.25.

PELATIH DI PUSAT LATIHAN PERINDUSTRIAN

25. **Tuan G. Rajoo (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah pelatih yang dapat dilatih oleh pusat latihan di bawah Kementerian Buruh dan berapakah jenis kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelatih-pelatih.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelatih yang dapat dilatih oleh pusat-pusat latihan di bawah Kementerian Buruh adalah seramai lebih kurang 2,800 orang. Mereka ini dilatih di lima buah Institut Latihan Perindustrian yang terdapat di Kuala Lumpur, Prai, Pasir Gudang, Kuala Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pada masa ini terdapat tiga program latihan yang dijalankan iaitu Skim Perantisan Negara, Kursus Persediaan Ketukangan dan Kursus Meningkatkan Keraahiran. Di bawah ketiga-tiga program latihan ini, sebanyak 21 jenis kursus yang dijalankan, digulungkan di bawah bidang Mekanikal, Elektrikal, Percetakan dan Pembinaan. Selain daripada kursus yang dijalankan di pusat-pusat latihan itu, Kementerian Buruh juga menganjurkan latihan lanjutan kepada penyelia dan pengajar dari agensi Kerajaan dan swasta. Bilangan pelatih yang dapat dilatih oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan ialah seramai lebih kurang 600 orang dalam setahun.

MATAPELAJARAN SEKS

26. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah "Pendidikan Sex" dimasukkan sebagai matapelajaran di sekolah-sekolah.

Tuan Woo See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pendidikan seks sebagai suatu matapelajaran tidak terdapat dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM). Walau bagaimanapun, kefahaman tentang cara makhluk

membangunkan generasi yang baru ada terdapat dalam sukatan pelajaran sains KBSM. Di samping itu pemupukan nilai dan penghargaan terhadap sumbangan sains dalam mengatasi masalah tentang pembiakan juga dimasukkan dalam sukatan baru sains KBSM. Kementerian Pendidikan juga ada membuat aspek-aspek berkaitan dengan pendidikan kekeluargaan (family life education), dengan izin, di dalam kurikulum pendidikan jasmani dan kesihatan di dalam KBSM. Pendidikan kekeluargaan memberi pendedahan kepada aspek-aspek hubungan dan tanggungjawab di antara ahli keluarga dan suami isteri untuk mewujudkan suasana kekeluargaan yang baik. Dalam perkara ini hubungan baik di antara ahli-ahli keluarga adalah dititikberatkan termasuklah aspek-aspek sexuality, dengan izin, perancangan keluarga dan pendidikan kesihatan. Ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan menanam sikap positif di dalam diri pelajar-pelajar supaya mereka mempunyai pandangan yang lebih bertanggungjawab terhadap soal-soal seks dan sexuality.

Tuan R. M. Jasni: Soalan tambahan. Sekiranya ada sekolah swasta yang ingin mengadakan pendidikan seks, adakah Kementerian Pendidikan membenarkan perkara seperti ini?

Tuan Woo See Chin: Tuan Yang di-Pertua, semua matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah swasta mesti mendapat keizinan dari Kementerian Pendidikan tetapi jika universiti-universiti tempatan hendak mengadakan kursus ini, ini satu kuasa untuk ditimbangkan oleh universiti itu sendiri,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 27 hingga 30 adalah]

RAKG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (15hb Disember, 1987)

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih untuk memulakan ucapan beliau.

3.37 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya bagun untuk menyokong penuh kepada Rang Undang-undang untuk meininda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 yang dibentangkan semalam oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Farid bin Ariffin, Timbalan Menteri Kewangan yang mana akibatnya merupakan satu Akta yang penting bagi negara Malaysia yang sedang membangun dengan pesatnya lagi sentiasa dicabar dalam bidang kewangan khususnya. Kita sudab lihat dengan ketara salahguna wang, salah menerima wang dan juga sifat memecah amanah sudah menjadi-jadi. Wang rakyat yang kurang arif, perbezaan di antara bank dan koperasi menjadi rnangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti segala isi kandungan dalam Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1987 dan berpendapat bahawa Bank Negara sudah raenjadi penyelamat (good samaritan) datang pada ketika sesuatu hal ataupun kesulitan wang berlaku. Di sini saya perlu tekankan bahawa satu jabatan, Jabatan Pembangunan Koperasi, Ketua Pendaftarnya dan jabatannya boleh dikatakan terlibat sepenuhnya. Jabatan ini boleh mengenalpasti siang-siang lagi yang

mana satu koperasi yang tulin dan yang mana palsu. Di muka 8 dalam Rang Undang-undang ini perkara 9B ada berkaitan, begitu juga di muka 9, 11B yang menyebut "Tneminjam itu adalah syarikat kerjasama".

Tuan Yang di-Pertua, maka saya ingin sebutkan beberapa kelemahan dari segi syarat-syarat periubuhan syarikat-syarikat koperasi serbaguna yang telah membinggunkan beberapa jabatan dan Jabatan Pembangunan Koperasi sendiri sudah menjadi sasaran. Dalam penelitian saya, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 31 Akta Koperasi dan seksyen 2 juga adalah sangat lemah. Kalau Tuan Yang di-Pertua membenarkan - mengizinkan saya membacanya kerana seksyen itu adalah disebutkan dalam babasa Inggeris:

"**The** registered society shall receive deposits and loans from members and persons who are not members only to such extent and under such conditions and may be prescribed by rules or by law.¹¹ Yang bermakna seolah-olah membenarkan pertubuhan koperasi yang berdaftar raenerima wang deposit dan juga dari ahli-ahli syarikat koop. atau bukan ahli kecuali mematuhi beberapa syarat yang perlu dipatuhi di bawah Undang-undang Kecil Koperasi.

Seksyen 2 pula menyebut Akta Koperasi membenarkan Syarikat Koperasi Serbaguna menubuhkan anak-anak syarikat. Maka pada tahun 1976 Bank Negara telah membetulkan satu kesilapan apakala Bank Rakyat menubuhkan anak syarikat, maka dengan izin, 'the illegal becomes legal'. Ini adalah khusus untuk menyelamatkan Bank Rakyat dan seharusnya tidak dijadikan satu teladan bagi yang lain mengikutinya.

Selepas sahaja masalah Bank Rakyat diatasi, maka Akta Koperasi seksyen 2 dan 31 sepatutnyalah dipinda dengan segera agar kelemahan ini tidak ketara dan Jabatan Pembangunan Koperasi boleh kenakan syarat-syarat berikut untuk permohonan-permohonan baru. Pertama, tidak boleh tubuh anak-anak syarikat. Yang kedua, tidak boleh kutip wang deposit untuk tujuan simpanan tetap daripada pendeposit-pendeposit.

Saya difahamkan Jabatan Pembangunan Koperasi telah merayu kepada Peguam Negara agar pindaan tersebut itu dijalankan dan dilaksanakan dengan segera mengikut proses yang biasa, tetapi tidak berjalan lagi. Maka mulai tahun 1981 hingga 1985, 24 buah syarikat koperasi serbaguna ditubuhkan oleh sebuah badan politik MCA dan lahirlah 500 buah anak syarikat dengan tujuan mengumpul wang deposit daripada pendeposit-pendeposit dan usaha mereka itu telah memberi hasil \$1 billion.

Tuan Yang di-Pertua, pengurus-pengurus dan pentadbir-pentadbir anak-anak syarikat ini diberi gaji yang lumayan dan beberapa keistimewaan yang mengakibatkan, dengan izin, 'top heavy', perbelanjaan yang membaair dan sia-sia tanpa menghiraukan sama ada wang itu diberi ataupun datangnya dari pendeposit-pendeposit yang

miskin atau kaya, Maka kita juga difahamkan iaitu menjadi satu kettyataan baru-baru ini 20,000 unit rumah yang dibina untuk dijual sedang tersadai, tidak ada yang hendak membelinya, mungkin kerana harganya sudah naik selepas ditokok, dengan izin, 'holding cost'¹.

Maka saya ingin buat kesimpulan seperti berikut. Orang-orang yang tamak dan haloba mahu keuntungan besar tidak mahu simpan wangnya dalam simpanan nasional dan bank yang diiktiraf oleh Bank Negara, hendaklah insaf dan bersyukurlah kerana Kerajaan Barisan Nasional tampil kehadapan untuk membantu mereka dan tidaklah perlu berkeluh-kesah lagi cara yang Kerajaan berjanji untuk membayar balik. Yang menerima deposit itu adalah penyamun-penyamun yang bijak yang dapat latihan dan tahu pula di mana kelemahan-kelemahau yang ada, seperti kata orang tua-tua: si bodoh mkanan si cerdik, si lemah dan daif itu makanan si kuat. Ini juga satu iktibar yang patut dipelajari oleh semua golongan rakyat Malaysia miskin atau kaya agar kenyataan itu kita tak dapat lari yang benar patut kita katakan benar, yang tak benar itu jangan kita menyokong.

Kepada Jabatan Pembangunan Koperasi, Kerajaan perlulah memberi perhatian yang serius. Dalam pandangan saya Jabatan inilah yang menjadi punca isu KPD itu. Maka saya telah banyak menyentuh tentang Jabatan Koperasi, saya dapati Jabatan ini dalam keadaan serius kerana perlulah segala undang-undang yang ada, seperti Akta yang saya sebutkan tadi itu dikaji semula dan perlu dikemaskinikan Jabatan yang berkenaan.

Saya seorang rakyat Malaysia berasa bangga kerana Bank Negara dapat campurtangan dalam kes KPD itu apakala Jabatan Pembangunan Koperasi sudah terperangkap dengan Aktanya sendiri. Maka saya

berdoa agar kejadian seperti ini tidak berulang lagi dan saya ucap syabas kepada Kementerian yang berkenaan kerana dapat membuat pindaan tersebut pada masa yang kita mengharap-harapkan,

Dengan ini saya sokong Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1987. Terima kasih.

3.47ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 yang bertujuan dengan pindaan ini dapat menyelamatkan pendeposit-pendeposit yang tidak lama dahulu sebanyak 22 Deposit Taking Cooperatives (DTC) terlibat dengan malapetaka ini. Tidak kurang dari \$1 billion kehilangan dari dalam negeri dan jangan lupa di tengat-tengah kemewahan kita terdahulu dari itu kita kehilangan sebanyak \$2,5 billion di Hong Kong dan seperti juga dengan DTCS yang kita minta institusi kewangan menampung sebagai tenaga penyelamat kehilangan di Hong Kong diselamatkan oleh PETRONAS dan di masa yang sama negara juga kerugian dengan kesalahan pelaburan oleh beberapa agensi-agensi lain, misalnya United Asian Bank, CCB, Sabah dan Habib Bank.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita yakin dengan tak langsung membebaskan badan kewangan tersebut, contohnya Supretne Pinance terpaksa dijual kepada PNB dan Kojaya juga diambilalih dan badan-badan kewangan yang lain juga akan menjadi tenat walaupun tempoh jangka panjang yang diberi, namun dari segi kos pelaburan kalaulah dilaburkan kepada sektor-sektor yang lain akan ada hasil dan pulangan yang berganda.

Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan keseluruhan tanggungan itu dialami oleh semua, kelembapan dan kemalapan ada di mana-raana menjadikan ekonomi kita yang berada di tahap kurang lebih 2%. Sikap berhati-hati demi untuk menyelamatkan sektor-sektor yang lain supaya tidak terjejas dan dapat memulihkan kedudukan yang ada.

Dengan kuasa mutlak yang diberikan oleh Gabenor Bank Negara, kita mengharapkan Gabenor Bank Negara akan mengambil tindakan juga terhadap pengarah-pengarah koperasi bagi membayar balik tanggungan mereka dan akhirnya diharapkan dengan pelaksanaan Akta ini, Kementerian Kewangan mengkaji tentang status kedudukan receivers kerana perlantikan private receivers ini boleh membebankan kepada koperasi pendeposit. Receivers menjadi badan peraturan untuk menyalurkan wang pendeposit ini. Sepatutnya untuk mengurangkan kos pengurusan boleh disalurkan terus kepada bank ataupun badan kewangan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, sekali lagi saya mohon menyokong Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan). Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid.

3.52 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun kerana ingin menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan). Undang-undang ini diwujudkan ialah sebab untuk melindungi pendeposit-pendeposit yang telah dipermainkan oleh orang-orang tertentu. Penyelewengan-penyelewengan ini berlaku oleh orang-orang tertentu dan akibatnya Kerajaan terpaksa menanggung beban yang begitu besar sebanyak lebih \$1 bilion.

Ini semua kerana keghairahan rakyat yang tertentu kerana ingin mengejar keuntungan yang lebih besar dan mereka terpengaruh dengan janji-janji yang diberikan oleh pihak-pihak yang tertentu. Oleh sebab itu, saya berharap kepada mereka yang berkenaan di masa-masa yang akan datang janganlah hendaknya kita mendengar janji keuntungan-keuntungan yang besar lalu terus kita melaburkan wang kita di mana sahaja tanpa memikirkan atau tanpa menyiasat kedudukan sesebuah syarikat itu tentang kewangannya sama ada kewangannya kukuh atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang yang terkena oleh kerana raengejarkan keuntungan ini, umpamanya ada suri-suri rumahtangga kerana hendak raengejar keuntungan talah memberikan berpuluh-puluh ribu ringgit wangnya kepada bomoh-bomoh untuk melipatgandakan keuntungan wangnya. Akhirnya mereka itu telah tertipu. Mereka ini bukanlah orang-orang yang tidak terpelajar, mereka ini adalah orang-orang yang terpelajar. Kenapakah dengan fikiran yang pendek mereka sanggup menyerahkan wang mereka. Inilah yang dikatakan kerana tamak untuk mengejar keuntungan yang besar, maka mereka sanggup melabur di tempat-tempat yang belum tentu kedudukan kewangan mereka itu kukuh ataupun pentadbir-pentadbir sesebuah syarikat itu benar-benar jujur ataupun sebaliknya.

Banyak lagi perkara yang berlaku kepada peniaga yang ingin mencari keuntungan yang besar. Ada setengahnya kerana diberitahu oleh bomoh atau tok bomoh bahawa perniagaan mereka tidak maju kerana sial atau suah, maka hendaklah dimandikan dengan air emas, semua barang kemas yang dipunyai oleh isterinya diserahkan kepada tok boraoh. Akhirnya semua barang kemas yang berpuluh ribu ringgit hilang begitu sahaja. Inilah akibat kepada orang yang tamak.

Jadi, tentang Akta ini, saya menyokong penuh atas hasrat Kerajaan untuk melindungi atau memperbaiki keadaan pendeposit-pendeposit yang telah dianiaya oleh orang-orang tertentu dan saya berharap kepada pihak Bank Negara supaya mengawasi perjalanan syarikat-syarikat kewangan yang berlesen daripada satu masa ke satu masa supaya pihak pentadbir di sesebuah syarikat kewangan itu tidak menyalahgunakan kuasa mereka. Dengan ini saya menyokong Akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

3.57 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahas serta menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1948. Saya akan berucap secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana negara kita telahpun melihat peristiwa skandal koperasi seperti yang disebut, pengambil deposit dan kejatuhan prestasi kewangan bank-bank dan finance companies akibat dari kecurangan pengurusan ataupun kurang 'prudent' setengah ahli pengurusan di dalam bank dan finance companies ini, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi meleset.

Tuan yang di-Pertua, saya hanya berharap Bank Negara akan mempertingkatkan penyeliaannya terhadap bank-bank dan licensed finance companies supaya tindakan skim penyelamat dapat dielakkan. Sekiranya skim penyelamat terpaksa digunakan, ini bermakna keadaan sudahpun terlewat. Jadi rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, prevention is better than cure, dengan izin, kerana adalah lebih murah untuk mencegah dari mengubati.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendeposit yang akan diberi syer sebagai balasan, ini memanglah satu langkah yang wajar tetapi memandangkan bahawa syer merupakan hanya sekeping kertas yang menyebut bilangan syer kepada peraegangnya, yang penting kepada pendeposit-pendeposit itu bukanlah sijil syer itu, sebaliknya yang penting ialah negotiability, dengan izin, sijil tadi kepada wang tunai untuk kegunaan pendeposit-pendeposit bila perlu.

Dalam hal ini inginlah saya sarankan supaya keadaan ini wujud agar pendeposit jangan terkena buat kali kedua. Lagipun nilai syer mengikut untung rugi perniagaan bank atau finance companies tadi. Sekiranya perniagaan rugi, maknanya syer pun kecut dan mungkin tidak bernilai lagi. Ini tidak membawa sebarang makna kepada pendeposit yang telahpun mengorbankan simpanan mereka untuk disimpan dengan harapan mendapat pulangan yang munasabah. Dalam hal ini pula, saya mohon sekali lagi kepada ketegasan Bank Negara dalam kerja-kerja seliaannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan mengurangkan amaun modal syer sesuatu bank atau fnance company bila modal institusi itu telah hilang atau tidak dilambangkan dengan aset-aset yang ada untuk mengelakkan pemegang syer yang curang dari mendapat faedah atau kepentingan bila institusi tersebut telah diselamatkan oleh Bank Negara, saya juga sokong dan berharap Bank Negara betul-betul halusi dan bertindak dengan tegas demi kepentingan institusi kewangan berkenaan dan pendeposit-pendeposit.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau tiada lagi Ahli yang ingin membahas, saya jemput wakil Kementerian berkenan memberikan jawapan menggulung perbahasan ini.

3.59 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Kewangan kepada Yang Berhormat Puan Ainon Ariffiin, Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon, Yang Berhormat Tuan Hassan Nam, Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong, Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid, Yang Berhormat Tuan Dahalan dan sebagainya yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Dalam menyokong Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Yang Berhormat telah mengemukakan beberapa cadangan yang bernas yang bertujuan menjatnin kepentingan pendeposit-pendeposit dan kedudukan-kedudukan institusi-institusi kewangan pada amnya. Saya suka menyatakan bahawa Kementerian Kewangan akan meneliti semua cadangan ini dengan teliti dan di mana praktik dan munasabahakan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara yang bolehlah dibahagikan kepada 4 perkara, iaitu:

- (1) Cadangan supaya pendeposit-pendeposit 12 KPD yang rnenyertai sesuatu skim penyelamatan akan diimplementasikan pada awal Januari 1988 di-beri pembayaran wang tunai sebelum Tahun Baru Cina memandangkan bahawa ramai daripada pendeposit-pendeposit itu adalah daripada keturunan orang-orang Cina.
- (2) Cadangan supaya syarikat kewangan berlesen yang akan digunakan dalam skim penyelamatan ini disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur untuk memberi pendeposit-pendeposit pasaran untuk menjual syer-syer mereka.
- (3) Teguran bahawa sekiranya Rang undang-undang ini diluluskan lebih awal, ia tnungkin dapat mengelakkan masalah KPD yang kita sedang alami sekarang,
- (4) Cadangan supaya tindakan diambil untuk mengatasi penipuan oleh institusi-institusi kewangan yang adalah juga berakibat daripada kurang faham oleh pelanggan-pelanggannya mengenai tindak-tanduk institusi-institusi itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pembayaran wang tunai kepada pendeposit-pendeposit sebelum Tahun Baru Cina yang akan datang, adalah hasrat Kerajaan supaya ini dapat dilaksanakan. Bagi tujuan itulah Kerajaan berusaha membentangkan Rang Undang-undang ini

sekarang supaya skim penyelamat dapat -dilaksanakan awal Januari 1988. Di bawah skim penyelamatan 12 KPD ini yang masih lagi menunggu sesuatu skim bagi mereka, dijangka bahawa sekurang-kurangnya 50% daripada pembayaran, dengan izin, dollar-for-dollar akan dibayar dalam wang tunai dan bakinya 50% dalam bentuk ekuiti. Walau bagaimanapun, tahap dan jadual pembayaran wang tunai itu semestinya-lah bergantung kepada nilai aset atau, dengan izin, nett asset sesuatu KPD itu dan sebagai raemenuhi hasrat- Kerajaan untuk membuat pembayaran yang sewajarnya sebelum Tahun Baru Cina yang akan datang adalah dijangka bahawa sejumlah 30% daripada pembayaran wang tunai akan dan telah dibayar sebelum hari perayaan itu.

Ingin dimaklumkan di sini bahawa sebanyak 20% daripada skim ini telahpun dibayar dan Kerajaan memutuskan dan membuat pengakuan bahawa 10% yang bakinya akan dibayar pada bulan Januari 1988 iaitu sebelum Tahun Baru Cina tahun hadapan. Yang bakinya iaitu 10% lagi akan dibayar sebelum tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulas cadangan supaya syarikat kewangan berlesen yang akan digunakan dalam skim penyelamat ini di-scnaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, ingin saya menyatakan bahawa cadangan itu adalah juga tujuan Kerajaan. Ini adalah untuk menentukan seberapa yang dapat pasaran bagi ekuiti pendeposit dalam syarikat kewangan itu. Dengan tersenarainya syer-syer syarikat kewangan itu di Bursa Saham Kuala Lumpur, pendeposit-pendeposit boleh dengan lebih mudah menjual syer-syer itu untuk mendapat wang tunai ke atas baki 50% daripada deposit mereka yang dibayar dalam bentuk ekuiti iaitu syer.

Ingin saya menyatakan di sini bahawa mengikut definisi undang-undang, syer sesebuah syarikat ataupun saham sesebuah syarikat itu adalah serupa dengan 'negotiable instrument' yang kita faham dalam dunia kewangan. Bermakna bahawa saham-saham yang akan diberi kepada pendeposit-pendeposit ini sebenarnya seperti 'negotiable instrument' dan jika sekiranya saham-saham ini disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, pendeposit-pendeposit boleh dengan lebih mudah menjual syer-syer itu untuk mendapat wang tunai yang diraksudkan. Walau bagaimanapun, ini tidak dapat dilaksanakan serta-merta dan hendaklah mengikut syarat-syarat undang-undang serta peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulas masalah ketiga iaitu masalah KPD yang kita hadapi sekarang mungkin boleh dielak sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan lebih awal, ingin saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini hanya merupakan satu undang-undang untuk membolehkan Kerajaan mengimplementasikan sesuatu skim penyelamatan dan bukanlah merupakan peruntukan bagi mengelakkan masalah yang sepertinya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sedang menyemak semula undang-undang mengenai institusi-institusi kewangan pada amnya untuk mengkaji apakah yang patut dibekalkan dalam undang-undang itu demi kepentingan institusi kewangan dan pendeposit-pendeposit yang mungkin akan men deposit duit mereka ke dalam institusi-institusi kewangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulas cadangan yang ingin mengurangkan penipuan-penipuan dalam institusi-institusi kewangan, memadai sekiranya saya katakan bahawa di dalam undang-undang institusi-institusi kewangan yang ada sekarang yang mungkin dikaji semula di Kementerian Kewangan nanti, Kerajaan akan mengambil

perhatian ke atas semua kemungkinan yang praktikal dan yang munasabah bagi mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul daripada pengurusan institusi kewangan tersebut. Semua cadangan-cadangan ini akan dikaji dengan teliti untuk mempertingkatkan lagi mutu undang-undang mengenai institusi-institusi kewangan yang sedang digubal untuk mengurangkan, dengan izin, 'white-collar crime' yang sekarang ini berlaku berleluasa di beberapa institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh sedikit berkenaan dengan teguran daripada beberapa Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Seksyen 31C. Di dalam Seksyen 31C, Bank Negara boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mengurangkan sahaja sesuatu institusi kewangan itu dengan tujuan adanya kemungkinan bahawa Bank Negara akan mengambilalih bank tersebut. Jika sckiranya ini tidak dilakukan, kemungkinan ada orang-orang yang telahpun menjalankan sesuatu musliht untuk mengurangkan aset ataupun nilai saham sesuatu institusi kewangan itu dan apabila sesuatu skim untuk menyelamatkan institusi kewangan itu dilakukan oleh Bank Negara dan jika mereka ini dibenarkan terus memegang saham itu, dan selepas diselamatkan maka saham mereka pula akan sendirinya naik, maka orang-orang yang sedemikian akan mendapat keuntungan dua kali - keuntungan yang pertama talah ketika mereka membuat tipu muslihat dan keuntungan yang kedun berlaku apabila saham mereka naik apabila skim penyelamat itu dilaksanakan.

Ingin saya menyatakan di sini pada masa dahulu ada seorang pemegang saham di dalatn sebuah institusi kewangan yang melakukan sedemikian, dengan izin, 'the white-collar crime' yang telah dilakukan di dalam institusi kewangan itu, sebenarnya telahpun mendapat keuntungan daripada skim penyelamat tersebut. Oleh kerana itulah

maka kita mengambil peluang ini untuk memasukkan seksyen baru 31C supaya kita dapat membenarkan Bank Negara mengurangkan saham bank ataupun institusi kewangan tersebut supaya skim penyelamatan institusi kewangan dapat dijalankan dengan licin tanpa memberi tempat dan memberi peluang kepada 'the white-collar criminal', dengan Izin, untuk mendapat keuntungan dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ucapan Yang Berhormat Senator Hajjah Rogayah Che Mat bahawa perlu membuat pembayaran kepada penerima-penerima, sukacita dijelaskan bahawa mengikut arahan Mahkamah Tinggi, bayaran tersebut akan ditanggung oleh KPD-KPD berkenaan.

Senator Abdul Manaf Hashim yang telahpun menyebut antara lain perkara-perkara yang mengenai syarikat-syarikat koperasi akan dibawa ke pengetahuan Kementerian berkenaan iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana pengawalan dan pengawasan institusi-institusi tersebut adalah terletak di bawah Kementerian berkenaan. Peranan Bank Negara Malaysia hanya mengarabil langkah perlu bagi menjamin kestabilan kewangan negara dan kepentingan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau sekiranya saya tidak dapat mengulas satu persatu tiap-tiap pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap kelmarin dan hari ini. Walau bagaimanapun, saya sekali lagi ingin mengucapkan teritna kasih kepada semua Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

F a s a 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ranj Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK)(PINDAAN)

Bacaan Kali Tfang Kedua dan Ketiga

4.14 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang dinaraakan Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1987 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Ini adalah bertujuan untuk meminda Ordinan Peguambela (Sarawak) Bab 110 bagi tujuan seperti berikut:-

- (a) mengadakan peruntukan untuk memberi pengiktirafan kepada ijazah Bachelor of Laws yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia, dan Diploma Lanjutan Undang-undang yang dianugerahkan oleh Institut Teknologi MARA, Malaysia, sebagai kelayakan-kelayakan yang boleh diterima bagi seseorang untuk diterima sebagai peguambela di Sarawak.
- (b) mengadakan satu lagi sebab iaitu bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah yang mengawalselia amalan dan etiket protesion undang-undang yang kerananya seseorang peguambela boleh dipotong namanya daripada daftarai Penguambela atau digantung daripada menjalankan amalan di Sarawak.
- (c) mengadakan peruntukan bagi membolehkan Mahkamah Tinggi memotong nama seseorang peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantung seseorang peguambela daripada menjalankan amalan jika namanya telah dipotong daripada daftarai peguambela atau ia telah digantung daripada beramal undang-undang di Malaysia Barat atau di Sabah.

- (d) menggantikan Peguam Besar Negeri dengan Jawatankuasa Siasatan sebagai pemohon dalam prosiding untuk memotong nama seseorang peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantung seseorang peguambela daripada beramal; dan
- (e) mengadakan peruntukan untuk membolehkan Hakim Besar membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan:
 - (a) prosiding tatatertib terhadap mana-mana peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 17 Ordinan peguambela (Sarawak); dan
 - (b) penubuhan satu Jawatankuasa Siasatan dan berkenaan dengan pengawalseliaan pembicaraan dan penyiasatan perkara-perkara yang dibawa ke hadapan Jawatankuasa Siasatan atau dibawa olehnya.

Dengan keizinan, Tuan Yang di-Pertua sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latarbelakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kelulusan-kelulusan yang diiktiratkan untuk seseorang diterima masuk sebagai peguambela di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak adalah sama. Pada masa yang lampau apabila sesuatu kelulusan diiktirafkan di Malaysia Barat, kelulusan yang satna telah juga diiktirafkan di Sabah dan Sarawak dengan membuat pindaan-pindaan tertentu di dalam Ordinan peguambela (Sabah) dan Ordinan peguambela (Sarawak). Baru-baru ini kelulusan ijazah undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia, dan diploma lanjutan undang-undang daripada Institut Teknologi MARA, Malaysia telah diiktirafkan untuk seseorang diterima

masuk sebagai peguambela di Malaysia Barat. Bagi mencapai kesamaan tentang kelulusan yang diiktirafkan untuk seseorang diterima sebagai peguambela di antara Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak maka Ordinan Peguambela (Sabah) dan Ordinan Peguambela (Sarawak) perlu dipindan dan bagi negeri Sarawak ini melibatkan pindaan kepada seksyen 4 Ordinan Peguambela (Sarawak).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 12 Ordinan Peguambela (Sarawak) dibuat oleh kerana pada masa ini didapati bahawa Ordinan tersebut tidak memberi kuasa kepada pihak yang berkenaan untuk memotong nama seseorang peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantung seseorang peguambela daripada beramal di Sarawak jika ia telah didapati bersalah kerana melanggar apa-apa kaedah yang mengawalselia amalan dan etiket profesion undang-undang. Peruntukan seperti ini adalah penting oleh kerana seseorang peguambela yang telah didapati bersalah sedemikian perlu dikenakan hukuman yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah dicadangkan supaya satu seksyen baru 12A dimasukkan ke dalam Ordinan Peguambela (Sarawak) untuk membolehkan Mahkamah Tinggi Borneo memotong nama seorang peguambela daripada daftarai peguambela atau menggantungnya daripada mengamalkan undang-undang sekiranya ia telah dikenakan tindakan sedemikian di lain-lain tempat di Malaysia iaitu di Malaysia Barat atau Sabah. Pada masa ini seseorang peguambela yang beramal di Sarawak tidak boleh dikenakan tindakan sedemikian sekiranya namanya telah dipotong daripada daftarai peguambela atau digantung daripada beramal di Malaysia Barat atau Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 13(3) Ordinan Peguambela Sarawak perlu juga dipinda untuk menggantikan "Peguam Besar Negeri" sebagai pihak yang boleh membuat pertnohonan dalam prosiding bagi memotong nama seorang peguambela daripada daftaraai peguambela atau menggantung seorang peguambela daripada beramal dengan satu Jawatankuasa Siasatan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 17 Ordinan Peguambela (Sarawak) ialah untuk membolehkan Hakim Besar Borneo dengan persetujuan Peguam Besar Negeri membuat kaedah-kaedah bagi prosiding tatatertib terhadap tmana-mana peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat dan bagi mengadakan kaedah-kaedah bagi menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan. Buat masa ini kuasa membuat peraturan-peraturan adalah terhad dan tidak meliputi kedua-dua perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Kenteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Tiong.

4.22 ptg.

Tuan Tiong Hiew Kling: Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama bangun untuk membahaskan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sarawak). Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah bertujuan memberi pengiktirafan kepada ijazah Bachelor of Laws dan Diploma Lanjutan Undang-undang yang dianugerahkan oleh dua Institut pengajian tinggi tempatan iaitu Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia dan Institut Teknologi MARA, Malaysia sebagai kelayakan yang perlu bagi seseorang yang hendak raenjalankan amalan sebagai peguambela di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini memanglah tepat dan perlu kerana institut-institut pengajian tinggi tempatan telah berjaya memperuntukkan dan mengadakan kursus-kursus undang-undang bagi pelajar-pelajar kita. Jika ijazah atau diploma lanjutan undang-undang dianugerahkan itu tidak dapat diberi pengiktirafan apa gunanya bagi pelajar-pelajar kita mengikuti dan dapat kelulusan dari kursus-kursus undang-undang, sekiranya prestasi undang-undang di institut atau universiti ternpatan kita dianggap telah mencapai satu mutu yang diharapkan atau yang tertentu selaras dengan keadaan perkembangan negara kita.

Pengiktirafan haruslah diberi kepada ijazab atau diploma lanjutan undang-undang itu supaya pemegang-pemegang ijazah atau diploma lanjutan undang-undang itu boleh menjalankan amalan sebagai peguambela di maaa-mana negeri termasuk negeri-negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengiktiratan yang diberi itu semoga pelajar-pelajar kita yarig berminat pada bidang undang-undang

dan hendak menjadikan amalan ini sebagai profesionnya tidak akan perlu mengikut kursus undang-undang di luar negeri memandang bayaran pelajaran di luar negeri semakin naik, mereka bolehlah mengamhil kursus itu di institut pengajian tinggi tempatan. Oleh itu pelajar-pelajar yang berminat pada bidang undang-undang akan memohon mengikuti kursus ini di institut-institut pengajian tinggi tempahan. Maka saya berharap pelajar-pelajar yang berkeelayakan diberi peluang mengikuti kursus itu tanpa mengira asal-usul. keturunannya di masa depan. Sungguhpun jumlab pengambilan adalah terhad, peluang yang lebih saya minta diberi kepada anak-anak Sarawak kelak.

Tuan Yang di-Pertua, pemindaan Ordinan Peguambela (Sarawak) itu juga bertujuan memperkuat lagi kaedah-kaedah yang mengawalselia amalan dan Rtiket profesion yang dibuat di bawah seksyen 17 Ordinan itu untuk membolehkan Mahkamah Tinggi memotong nama seseorang peguambela daripada daftarai kerana melanggar mana-mana kaedah tersebut atau menggantung seseorang peguambela daripada menjalankan amalan kerjanya.

Peguambela-peguambela kttta harus mematuhi kaedab-kaedah yang ditetapkan itu serta inempertahankan mutu amalan dan etiket profesion yang tinggi. Dengan berkuatkuasanya Akta ini nanti, Mahkamah Tinggi dan Inquiry Committe juga diharap akan menjalankan tanggungjawab dan tugasnya masing-masing dengan lebih bersungguh-sungguh oleh sentiasa mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas amalan-amalan peguambela di mana-mana negeri supaya Tnenjamin penghormatan atau reputasi yang ada pada golongan peguam sekarang di negara kita terpelihara serta kepentingan pelanggannya juga terjaga.

Sekian ucapan saya dan sekali lagi saya mengucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1987. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law.

4.25 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1987. Di samping masalah polarisasi kaum, kita juga menghadapi satu masalah yang tidak harus diketepikan iaitu integrasi nasional di antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Walaupun Malaysia telah dibentuk pada tahun 1963, langkah-langkah yang wajar perlu diambil bagi mempercepatkan proses ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya adalah tidak bermakna bagi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat seperti Malaysia mempunyai sistem perundangan yang berlainan di antara Malaysia Timur dan Malaysia Barat. Oleh itu, Kerajaan haruslah menyatupadukan Mahkamah Agung dengan Mahkamah Borneo serta mengintegrasikan sistem perundangan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung supaya satu sistem perundangan yang seragam dan berdaulat dapat diwujudkan. Ini bukan sahaja merupakan satu langkah yang bijak ke atas integrasi nasional, tetapi juga dapat memudahkan pengamalan dan pelaksanaan sistem perundangan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kawalan yang lebih ketat juga perlu dilakukan ke atas peguam kerana baru-baru ini terdapat banyak kes-kes tentang penipuan dan penyelewengan di dalam profesion ini. Demi menjaga imej profesion serta keyakinan orang ramai terhadap profesion ini supaya profesion ini benar-benar bercorak profesion, peguam-peguam haruslah bersikap jujur, ikhlas dan bertimbang rasa.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi ini bukanlah profesion yang tertua di dunia ini seperti mana yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, tetapi satu profesion yang dapat menegakkan keadilan serta memperkukuhkan amalan demokrasi.

Sekian ucapan saya dan saya menyatakan sokongan pada Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1987. Terima kasih.

Tuan Yang di Pertua: Silakan Yang Berhormat.

4.30 ptg.

Datuk Haji Nasir bin bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sarua dengan rakan-rakan untuk membincangkan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Peguam Bela Sarawak (Pindaan) 1987.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Dengan adanya Rang Undang-undang yang dibentangkan ini serta pengiktirafan ijazah Bachelor of Laws, dengan izin, yang dianugerahkan oleh Universitx Islam Antarabangsa, juga daripada Diploma Lanjutan Undang-undang Institut Teknologi MARA Malaysia, maka saya merasakan siswaaah-siswaaah yang berkelulusan undang-undang daripada dua tempat peiajaran yang dijelaskan tadi, selain daripada mereka boleh beramal di dalam Malaysia Barat ini, mereka juga boleh beramal di Sabah dan juga di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu tertakluk di dalam pindaan Seksyen 4 Ordinan Peguam Bela Sarawak, di dalam perenggan (cc) subseksyen (1), saya merasakan ini sangat mengghairahkan kepada Peguanr-peguam bela selain daripada dapat mereka meluaskan amalan mereka, maka satiu di antaranya boleh merapatkan hubungan di antara penduduk-penduduk di dalam negara Malaysia ini termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, saya merasakan apabila siswazah-siswazah lulusan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan daripada Institiut Teknologi MARA, maka ini menambahkan minat kepada rakyat di Sabah dan Sarawak untuk belajar undang-undang di tempat-tempat yang saya nyatakan tadi. Jadi dengan adanya penghijrahan siswazah-siswasah daripada Sabah dan Sarawak, ini akan mendekatkan hubungan baik di antara penduduk-penduduk di dalam negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, terdapat di dalam Fasal 3 pindaan kepada seksyen 12. Ini memang dirasakan untuk menjaga profesion peguam daripada mereka melanggar mana-mana kaedah yang mengawalselia amalan dan etiket profesion seperti yang tertakluk di dalam Seksyen 17. Ini ternyata kepada kita, nama mereka akan berpotong di dalam senarai dan boleh menggantungkan mereka daripada melaksanakan amalnya di Sarawak. Selain daripada itu, tertakluk juga di dalam kuasa Mahkamah Tinggi yang boleh memotong nama mereka di dalara dattar serta menggantungkannya daripada menjalankan amalan-amalan biasa. Ini tertakluk di dalam Pasal 3, seksyen baru 12A. Dengan adanya seksyen baru ini saya merasa ia-nya meletakkan peguam-peguani bela ini di atas kedudukan di dalam senarai sebagai profesion yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, saya suka juga mengambil perhatian apa yang diketahui sekarang, peguanr-peguam bela di dalam negara Malaysia ini sama ada peguam-peguam bela di Sarawak, peguam-peguam bela di Sabah dan di Malaysia, mereka mempunyai Persatuan masing-masing. Misalannya, di Malaysia ini kita merasakan persatuan mereka sebagai "Malaysian Bar Council", dengan izin, telah sampai masanya bagi kita untuk mengambil perhatian atau cara yang lebih sesuai dengan adanya pengasingan 3 Persatuan ini di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, maka saya merasakan perpaduan di antara peguatn-peguam bela agak tidak begitu kukuh sebagaimana yang diharapkan. Dengan ini kita harus mengambil perhatian atau cara macam mana bagi profesion yang sama di dalam negara Malaysia ini atas 3 Peraturan dapat kita satukan atas nama persatuan apa pun tetapi atas nama Persatuan Peguam-peguam Bela Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu, kita juga merasakan agak peguam-peguam bela daripada Sabah dan Sarawak boleh menjalankan amalannya di Semenanjung Malaysia, bermaksud peguanr-peguam bela di Sabah dan Sarawak, mendapat keluasan menjalankan amalan-amalan mereka di seluruh negara Malaysia ini. Tetapi peguam-peguam bela di Semenanjung Malaysia ini tidak dibenarkan dengan begitu sahaja untuk menjalankan amalan-amalan mereka di Sabah dan Sarawak. Maka ini saya merasakan adalah satu kepincangan yang tidak sama dan hal ini mungkin berlaku pada masa-masa yang lalu dan kita tidak menyalahkan sesiapa. Untuk mengeratkan lagi di antara peguanr-peguam bela di Sabah dan Sarawak, maka perlu mana-mana pihak ataupun Kerajaan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya supaya mana-mana peguam bela di dalam Malaysia ini mereka boleh menjalankan amalannya, bermaksud peguam bela daripada Semenanjung Malaysia boleh menjalankan amalannya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak peguam bela dari Sarawak dan Sabah pula boleh juga menjalankan amalannya di Semenanjung Malaysia sebagaimana yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menjelaskan di sini mungkin rungutan-rungutan yang kita telah dengar di masa-masa yang lalu dan di masa kini. Walaupun negara kita telah merdeka lebihkurang 30 tahun dan kita perhatikan kebanyakan Jabatan-jabatan Kerajaan agak telah menggunakan Bahasa Malaysia dengan begitu baik atau bertapak dari masa ke seraasa yang peningkatannya maju, tetapi bila kita pergi ke Mahkamah dan kita kenalpasti Mahkamah-mahkamah di negara kita ini terdiri daripada misalannya, Mahkamah Rendah, Mahkatnah Tinggi, Mahkamah Agung dan sebagainya, maka kita tahu Bahasa Malaysia boleh digunakan dalatn Mahkamah, tetapi boleh dibenarkan sesiapa yang hendak bercakap di dalam bahasa Inggeris dan sebagainya.

Kalau ini kita tidak mengambil perhatian sesungguh-sungguh, saya merasa dalam Mahkamah mungkin berpuluh tahun akan datang atau beberapa tahun akan datang hasrat rakyat Malaysia ini hendak melaksanakan Bahasa Malaysia di dalam negara kita 100% di semua bidang tidak akan tercapai. Saya tidak menekankan semua Mahkamah ataupun jenis-jenis peringkat Mahkamah ini dibuat dengan serta-merta menggunakan Bahasa Malaysia. Maka telah sampai tinasanya kita menentukan garispanduan atau meletakkan semua perbicaraan di dalam Mahkamah Rendah hendaklah menggunakan bahasa Malaysia dengan sepenuhnya, misalannya, tidak lewat 3 tahun akan datang atau sebagainya. Ini meletakkan satu tahap yang Mahkamah boleh menggunakan Bahasa Malaysia dengan berperingkat-peringkat. Kita boleh katakan tidak lewat daripada 3 tahun akan datang mesti digunakan Bahasa Malaysia di Mahkamah Rendah dan 7 tahun akan datang mesti digunakan dalam Mahkamah Tinggi dan sebagainya sebagaimana yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran meletakkan bahawa pengantar di sekolah-sekolah daripada Darjah I peringkat tahunannya sampai ke tahun yang tertentu.

Jadi ini perkara penting untuk kita mengambil perhatian yang sungguh-sungguh untuk meletakkan Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia ini kepada tempat yang sewajarnya khususnya di dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan dalam Dewan ini. Dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Kalau tidak ada, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, dipersilakan.

4.42 ptg.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Ordinan Peguambela (Sarawak) (Pindaan) ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Tiong Hiew King telah membuat satu ucapan yang keseluruhannya menyokong tentang pindaan Ordinan ini, dan Kementerian saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan pandangan Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senarot Puan Law Jack Yoon telah juga memberi pandangan yang sama dan perlu saya terangkan di sini bahawa tidak ada perbezaan sistem perundangan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, walaupun terdapat tiga undang-undang yang sama mengenai profesion peguambela di ketiga-tiga tempat iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Apa yang sebenarnya terdapat ialah kita

mempunyai dua Mahkamah Tinggi, satu di Borneo dan satu lagi di Semenanjung ataupun di Malaysia Barat,

Atas pandangan Yang Berhormat mengenai adanya pindaan ini, maka dapatlah ahli-ahli peguambela kita di seluruh Malaysia ini berintraksi lebih rapat lagi dan akan mempercepatkan integrasi nasional. Memang itu adalah merupakan hasrat Kerajaan untuk memindahkan Ordinan ini, satu-satunya Ordinan yang dapat merapatkan lagi ahli-ahli peguambela kita di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Nasir bin Haji Manap telah memberi pandangan yang begitu bernas.

Sebagaimana yang telah saya terangkan tadi dalam jawapan saya kepada Senator Puan Law Jack Yoon, memang kita mempunyai tiga Persatuan iaitu Profession Peguambela di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang dicadangkan supaya dicantumkan. Perlu kita ingat bahawa soal dasar yang dikaji secara mendalam sebelum dikemukakan bahawa undang-undang bagi Profesion Undang-undang di Sabah, Sarawak dan Semenanjung ini sebagaimana yang diterangkan tadi adalah merupakan sama, hanya yang berbeza itu ialah di Sabah dan Sarawak kita mempunyai undang-undang yang berlainan sedikit daripada segi pengiktirafan undang-undang yang terdapat di Malaysia, terutama sekali kelulusan-kelulusan yang dijalankan dalam negara kita sendiri. Sebab itulah seksyen 4 itu kita terpaksa memindahkan supaya semua kelulusan-kelulusan dalam negeri ini, terutama sekali di International Islamic University dapat diterima sebagai satu kelulusan yang diiktirafkan di Sarawak.

Mengenai kebolehan seseorang peguambela di Semenanjung Malaysia hadir ke mahkamah Sabah dan Sarawak ini dibolehkan, tetapi peguambela berkenaan terpaksa membuat permohonan untuk diterima

masuk sebagai peguambela di negeri berkenaan terlebih dahulu mengikut Ordinan Peguambela yang berkenaan dan selalunya permohonan itu adalah diterima dengan senang, kerana perlu kita ingat bahawa di kedua-dua negara ini, iaitu di Sabah dan Sarawak mempunyai Imigresen yang berlainan di mana pihak negeri Sabah dan Sarawak boleh menolak sesiapa orang yang masuk ke negara itu mengikut Undang-undang Imigresen. Jadi ini juga kita terpaksa ambil perhatian apabila membuatkan satu-satu kerja di Sabah dan Sarawak, tetapi pada keseluruhannya permohonan-permohona peguambela daripada Seraenanjung ataupun Malaysia Barat ke Sarawak selalu dikabulkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Mengenai saranan ataupun cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Nasir bin Haji. Manap penggunaan Bahasa Malaysia diperluaskan di mahkamah, ini sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa irii sedang dijalankan pada masa sekarang ini secara berperingkat-peringkat.

Pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telahpun menyentuh fasal keselarasan undang-undang di Sabah, Sarawak dan Malaysia Barat dan seterusnya dikaitkan keselarasan ini untuk menyatu-padukan rakyat, terutama sekali peguambela-peguambela kita yang mengamalkan Profesion Undang-undang dan ketiga-tiga' Wilayah ini. Sekiranya ada perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang telah ditimbulkan dalam hujah-hujah tadi, yang tidak dapat saya jawapkan secara terperinci, ini akan disiasat dan akan diambilkira oleh pegawai-pegawai kerana semua perkara itu telahpun dicatat. Dengan itu, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang, Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan ttdak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA SABAH (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.50 ptg.**

Tuan Kasitah bin. Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Peguambela Sabah (Pindaan) 1987 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah Bab 2 bagi tujuan seperti berikut:-

- (a) mengadakan peruntukan untuk memberi pengiktirafan kepada Ijazah Bachelor of Laws yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Diploma Lanjutan Undang-undang yang dianugerahkan oleh Institut Teknologi MARA Malaysia sebagai kelayakan-kelayakan yang boleh diterima bagi seseorang untuk diterima sebagai Peguambela di Sabah;
- (b) mengadakan satu lagi sebab iaitu bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah yang mengawal selia amalan dan etiket profesion undang-undang yang kerananya seseorang Peguambela boleh dipotong namanya daripada daftaran. Peguambela atau digantung daripada menjalankan araan di Sabah.

- (c) mengadakan peruntukan bagi membolehkan Mahkamah Tinggi memotong nama seseorang Peguambela daripada daftaran Peguambela atau menggantung seseorang Peguambela daripada menjalankan amalan jika namanya telah dipotong daripada daftarai Peguambela atau ia telah digantung daripada beramal undang-undang di Malaysia Barat atau di Sarawak;
- (d) menggantikan Peguam Besar Negeri dengan Jawatankuasa Siasatan sebagai pemohon dalam prosiding untuk memotong nama seseorang Peguambela daripada daftaran Peguambela atau menggantung seseorang Peguambela daripada beramal; dan
- (e) mengadakan peruntukan untuk membolehkan Hakim Besar membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan:-
- (i) Prosiding tatatertib terhadap mana-mana Peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Seksyen 17 Ordinan Peguambela Sabah; dan
 - (ii) Penubuhan satu Jawatankuasa Siasatan dan berkenaan dengan pengawal seliaan pembicaraan dan penyiasatan perkara-perkara yang dibawa ke hadapan Jawatankuasa Siasatan atau dibawa olehnya.

Dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkasnya kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kelulusan-kelulusan yang diiktirafkan untuk seseorang diterima masuk sebagai Peguambela di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak adalah sama, Pada masa yang lampau apabila sesuatu kelulusan diiktirafkan di Malaysia Barat kelulusan yang sama telah diiktirafkan di Sabah dan Sarawak dengan membuat pindaan-pindaan tertentu di dalam Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak. Baru-baru ini kelulusan Ijazah Undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Diploma Lanjutan Undang-undang daripada Institut Teknologi MARA Malaysia telah diiktirafkan untuk seseorang diterima masuk sebagai Peguambela di Malaysia Barat bagi mencapai kesamaan tentang kelulusan yang diiktirafkan untuk seseorang diterima sebagai Peguambela di antara Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak, maka Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak perlu dipinda dan bagi negeri Sabah ini melibatkan pindaan kepada Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 12 Ordinan Peguambela Sabah dibuat oleh kerana pada masa ini didapati bahawa Ordinan tersebut tidak memberi kuasa kepada pihak yang berkenaan untuk memotong nama seseorang Peguambela daripada daftari Peguambela atau menggantung seseorang Peguambela daripada beramal di Sabah jika ia telah didapati bersalah kerana melanggar apa-apa kaedah yang mengawal selia amalan dan etiket profsion undang-undang. Peruntukan seperti ini adalah penting oleh kerana seseorang Peguambela yang telah didapati bersalah sedemikian perlu dikenakan undang-undang yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah dicadangkan supaya satu Seksyen baru 12A dimasukkan ke dalam Ordinan Peguambela Sabah untuk membolehkan Mahkamah Tinggi Borneo memotong nama seseorang Peguambela daripada daftaraai Peguambela atau menggantungnya daripada mengamalkan undang-undang sekiranya ia telah dikenakan tindakan sedemikian di lain-lain tempat di Malaysia iaitu di Malaysia Barat atau Sarawak.

Pada masa ini seseorang Peguambela yang beramal di Sabah tidak boleh dikenakan tindakan sedemikian sekiranya namanya telah dipotong daripada daftaraai Peguambela atau digantung daripada beramal di Malaysia Barat atau Sarawak,

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 13(3) Ordinan Peguambela Sabah perlu juga dipinda untuk menggantikan Peguam Besar Negeri sebagai pihak yang boleh membuat permohonan dalam prosiding bagi meraotong nama seseorang Peguambela daripada daftaraai Peguambela atau menggantung seorang Peguambela daripada beratnal dengan satu Jawatankuasa Siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali pindaan kepada Seksyen 17 Ordinan Peguambela Sabah ialah untuk membolehkan Hakim Besar Borneo dengan persetujuan Peguam Besar Negeri membuat kaedah-kaedah bagi prosiding tatatertib terhadap mana-mana Peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat dan bagi mengadakan kaedah-kaedah bagi menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan. Buat masa ini kuasa membuat peraturan-peraturan adalah terhad dan tidak meliputi kedua-dua perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sekiranya ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap dipersilakan. Jika tidak ada, sekarang saya teruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.00 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 yang dipakai bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan roula berkuatkuasa pada 31hb Mac, 1952 perlu dipinda, dikemaskini dan diubahsuaikan mengikut perkembangan pembangunan semasa dan supaya ianya sealiran dengan perkembangan perundangan pada hari ini.

Peruntukan-peruntukan di bawah Ordinan yang ada sekarang adalah terhad skopnya dan tidak meliputi petrtubuhan-pertubuhan perbadanan atau pertubuhan-pertubuhan yang sudah sepatutnya diberi pengecualian kerana mereka telahpun tertakluk dan diliputi di bawah Akta-akta tertentu. Oleh itu, seksyen yang baru iaitu seksyen 2A di bawah Fasal 4 telah dikemukakan dengan bertujuan menyenaraikan orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 dikecualikan dan tidak dipakai. Senarai tersebut telah dikemaskini dengan mengambil kira, dengan izin, Islamic Banking Act 1983, Takaful Act 1984 dan Finance Companies Act 1969.

Di samping itu seksyen ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan perbadanan acau pertubuhan daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang 1951. Seksyen baru ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan mana-mana pengecualian yang telah diberi jika terdapat pelanggaran mana-mana had, sekatan atau syarat yang telah

ditetapkan bila mana pengecualian tersebut diberi. Walau bagaimanapun, pembatalan tersebut hendaklah dibuat hanya selepas peluang pemhela diberi.

Tuan Yang di-Pertua, takrif, "muneylender" dengan izin, di dalam Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 terpaksa dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri meluluskan pengecualian daripada -peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 secara kebelakangan. Pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada peruntukan takrif, "moneylender", dengan izin daripada mula berkuatakuasa Ordinan Pemberipinjam Wang 1951, iaitu pada 31 hb Mac 1952 sehinggalah sebaik sahaja sebelum mula berkuatkusanya Rang Undang-undang ini. Pihdaan ini adalah merupakan peruntukan sementara untuk menyelesaikan kes-kes di mana pengecualian telah diberi secara kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan-pindaan sepertimana yang dicadangkan, saya yakin Ordinan Pemberi pinjam Wang 1951 akan dapat berfungsi sepertimana yang diharapkan mengikut perkembangan pembangunan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli hendak berucap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputnskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.06 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang Sabah dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pemberipinjam Wang Sabah yang dipakai bagi negeri Sabah dan mula berkuatkuasa pada 8hb November 1901 tidak menyenaraikan orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan tersebut dikecualikan dan tidak dipakai, malahan kuasa untuk memberi pengecualian daripada Ordinan tersebut adalah terpulang kepada budibicara Menteri sahaja. Keadaan yang sedemikian telah menimbulkan berbagai-bagai keraguan dan kemusykilan kepada bank-bank yang menjalankan urusaiaga di Sabah di mana mereka terpaksa membuat permohonan kepada Menteri untuk mendapatkan pengecualian daripada Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah). Keadaan ini sangat anih kerana

bank-bank yang menjalankan urusan di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak diberi pengecualian secara otomatis daripada perutusan-perutusan Ordinan-ordinan Pemberipinjam Wang masing-masing. Demi untuk menyelesaikan masalah ketidak seragaman di Sabah adalah perlu dibuat pindaan-pindaan sewajarnya ke atas Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah).

Oleh itu seksyen yang baru iaitu seksyen 2A di bawah Fasal 4 telah dikemukakan bertujuan untuk menyenaraikan orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan Pemberipinjam Wang Sabah dikecualikan dan tidak dipakai. Pindaan tersebut juga dibuat dengan bertujuan untuk menyeragamkan senarai orang-orang dan badan-badan yang diberi pengecualian dengan senarai di bawah Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 dan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak). Di samping itu, seksyen baru ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan perbadanan atau pertubuhan daripada perutusan-perutusan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sabah). Seksyen yang baru ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan mana-mana pengecualian yang telah diberi jika terdapat pelanggaran mana-mana had sekatan atau syarat yang telah ditetapkan bila mana pengecualian tersebut diberi. Walau bagaimanapun, pembatalan tersebut hendaklah dibuat hanya selepas peluang untuk pembela diberi.

Tuan Yang di-Pertua, takrif dengan izin, 'money lender' di dalam Ordinan Pemberipinjam Wang Sahah terpaksa dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri mpluluskan pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang Sabah secara kebelakangan. Pindaan tersebut hendaklah disitatkan sebagai sebahagian daripada peruntukan takrif, dengan izin, 'money lender' daripada mula berkuatkuasanya Ordinan Pemberipinjam Wang Sabah, iaicu pada 8hb November, 1901 sehinggalah sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasa Rang Undang-undang ini. Pindaan Ini adalah merupakan peruntukan sementara untuk menyelesaikaa kes-kes di mana pengecualian telah diberi secara kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan, saya yakin Ordinan Pemberiplnjam Wang Sabah akan dapat bertungsi sepertimana yang diharap-harapkan mengikut perkembangan pembangunan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk tneminda Ordinan Pemberipinjam Wang Sabah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.45 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIPINJAM WANG (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.51 ptg.

Tuan Hussein bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) yang dipakai bagi negeri Sarawak dan mula berkuatkuasa pada 17hb Februari, 1912 perlu dipinda, dikemaskini dan diubahsuai mengikut perkembangan pembangunan semasa dan supaya ianya saliran dengan perkembangan perundangan pada hari ini,

Di bawah Ordinan yang ada sekarang yang pengecualian secara otomatis hanya diberi kepada 4 badan atau pertubuhan sahaja. Oleh itu, seksyen baru iaitu seksyen 8 di bawah Fasal 3 telah dikemukakan dengan bertujuan menyeragamkan senarai orang-orang dan badan-badan di mana Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) dikecualikan dan tidak dipakai. Senarai tersebut telah dikemaskini dengan mengambil kira, dengan izin, Islamic Bank Act 1983, Insurance Act 1963, Takaful Act 1984 dan Finance Company Act 1969,

Di samping itu, seksyen baru ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pertubuhan perbadanan atau pertubuhan daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak).

Seksyen yang baru ini juga hertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan mana-mana pengecualin yang telah diberi jika terdapat pelanggaran mana-mana **had**, sekatan atau syarat yang telah ditetapkan bila mana pengecualian tersebut diberi. Walau bagaimanapun, pembatalan tersebut hendaklah dibuat hanya selepas peluang untuk pembelaan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 8 Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak), subseksyen (2) terpaksa dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri meluluskan pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) secara kebelakangan. Pindaan tersebut hendaklah dffsifatkan sebagai sebahagian daripada Ordinan tersebut dari mula berkuatkuasa Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) pada 17hb Februari, 1912 sehinggalah sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasa Rang Undang-undang ini. Pindaan ini adalah merupakan peruntukan sementara untuk menyelesaikan kes-kes di mana pengecualian telah diberi secara kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan sepertimana yang dicadangkan, saya yakin Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) akan dapat berfungsi sepertimaha yang diharap-harapkan mengikut perkembangan pembangunan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahll Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pemberipinjam Wang (Sarawak) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sehagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Heog Ding]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1973. Dalam melaksanakan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Jabatan PERHILITAN masih mengalami beberapa kesulitan dalam penguatkuasaannya oleh kerana beberapa seksyen masih kurang jelas dan perlu dikemaskini. Tambahan pula Jabatan PERHILITAN berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan sekarang tidak setimpal dengan kedudukan hidupan liar yang kini

lebih terancam. Keadaan ini disebabkan oleh kehilangan habitat, penambahan pemburuan haram dan accessibility, dengan izin, ke kawasan-kawasan hidupan liar. Oleh yang demikian, hukuman yang lebih berat telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang penjelasan lengkap dan panjang lebar mengenai matlamat dan tujuan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta ini teiahpun diberi dalam Huraian pada Rang Undang-undang ini, saya ingtn memberi penjelasan secara keseluruhan sahaja kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan itu.

Sepertimana yang disebut sebentar tadi, pindaan yang dicadangkan kepada Akta ini adalah bertujuan mengatasi beberapa kelemahan yang wujud iaitu:-

- (1) Kelemahan dari segi pengtakrifan Akta tersebut.
Di sini pindaan dicadangkan supaya kekeliruan tidak timbul dan juga untuk menyenangkan proses pendakwaan.
- (2) Kelemahan berkenaan dengan setengah kuasa yang khusus kepada seorang sahaja dan kuasa-kuasa lain yang diperuntukkan oleh Akta yang perlu di-perketatkan. Kuasa-kuasa seperti kuasa menyiasat, kuasa menyimpan barang rarapasan dan kuasa mengeluarkan permie-permit hanyalah diberikan kepada seorang sahaja. Adalah dicadangkan supaya kuasa ini diperturunkan juga kepada pegawai-pegawai bawahan supaya dapat memudahkan penguatkuasaan dan untuk kemudahan orang awam.

- (3) Kelemahan berhubung dengan peruntukan mengenai hidupan liar dan burung liar yang diperlindungi, peruntukan sekarang hanya meliputi seekor binatang secatra keseluruhannya dan tidak menyentuh bahagian binatang-binatang tersebut. Umpamanya, tanduk seekor rusa atau gading seekor gajah tidak diliputi di bawah undang-undang sekarang. Oleh itu seksyen berkenaan perlu dipinda supaya perlindungan yang lebih sempurna dapat diberikan kepada hidupan liar dan burung-burung liar yang diperlindungi di bawah Akta ini.
- (4) Kelemahan dari segi penguatkuasaan. Pindaan kepada Akta akan membolehkan Pegawai Jabatan PERHILITAN untuk mengadakan sekatan jalan dengan bantuan Polis, menahan kenderaan untuk tujuan pemeriksaan atau boleh menggunakan gari, jika perlu bagi menjaga orang yang ditangkap melarikan diri dari tangkapan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tujuan mengatasi kelemahan yang dinyatakan di atas, pindaan-pindaan lain yang dicadangkan, antara lain ialah:

- (i) Pindaan bagi membolehkan penalti-penalti yang lebih berat dikenakan oleh kerana hidupan liar semakin terancam memandangkan pertambahan pemburu-pemburu haram dan denda-denda yang dikenakan masa kini tidak merupakan unsur pencegahan yang secukupnya kepada pemburu-pemburu haram ini.

- (ii) Memandangkan bahawa binatang-binatang seperti badak kerbau, harimau belang dan harimau dahan telah hampir pupus, maka dicadangkan satu seksyen baru yang memberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi \$15,000 bagi yang menembak atau membunuh seeara haram binatang-binatang liar tersebut. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan langkah ini kes pemburuan binatang yang terancam itu tidak akan berLaku lagi.
- (iii) Hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak Lebih dari 10 tahun juga dicadangkan bagi sesiapa yang didapati memiliki Lebih daripada 25 jerat atau perangkap dawai. Oleh kerana penggunaan jerat itu seraakin bertambah dan pemburuan sedemikian amatlah kejam dan perlu dihapuskan, tambahan lagi penggunaan jerat tersebut bukan sahaja akan menganiayai hidupan liar, malah ianya amat berbahaya kepada manusia. Oleh yang demikian, bagi kesalahan ini denda tidak diperuntukkan langsung

Tuan Yang di-Pertua, pemuliharaan hidupan liar kita bukanlah merupakan pemuliharaan hidupan liar semata-mata tetapi ianya juga merupakan pemuliharaan warisan semulajadi rakyat Malaysia, baik untuk generasi kini mahupun untuk generasi akan datang.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia untuk mengambil langkah-langkah tertentu untuk pemuliharaan

hidupan liar negara ini. Sebenarnya, kehadiran hidupan liar di dalam alam semula jadi Malaysia akan menentukan imbalan ekologi yang perlu bagi menampung kehidupan di bumi ini.

Dalam pada itu adalah menjadi tugas kita untuk melindungi hidupan liar khususnya spesies yang terancam memandangkan kehidupan liar adalah juga merupakan makhluk Tuhan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini merupakan langkah ke arah mencapai matlamat ini. Saya berharap ianya akan mendapat sokongan dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat:, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 di bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat puan Ainon binti Ariffin.

6.05 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk membahaskan dan kemudiannya akan menyokong penuh kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Setelah meneliti kepada pindaan-pindaan ini dan setelah mengikuti juga perkembangan-perkembangan berlakunya beberapa kezaliman, beberapa perbuatan-perbuatan yang tidak berunsur perikemanusiaan kepada hidupan liar di negara kita ini, maka saya rasa undang-undang yang dipinda ini akan melegakan ramai rakyat yang

benar-benar mencintai makhluk Allah yang diberi nama binatang liar ini atau mergasetua liar. Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak ada Dewan Negara, Dewan Rakyat, mereka tidak ada suara, untuk membantah atas apa yang berlaku kepada diri mereka. Mereka tidak ada peluang untuk menjadi pengundi, untuk memilih wakil rakyatnya bercakap di mana-mana menyuarakan kesengsaraan, penderitaan yang mereka rasakan.

Kita akan merasa sedih melihat beberapa kejadian-kejadian dan juga beberapa perkembangan yang menuju kepada kezaliman dan penyiksaan yang tidak wajar yang telah dilakukan oleh manusia kepada makhluk Allah yang berbentuk mergasetua ini. Kita sentiasa melihat terutamanya yang disuarakan selalu, dibantah selalu oleh Persatuan Pemeliharaan Binatang Liar ataupun Persatuan Perlindungan Hidupan liar di negara kita ini. Sesungguhnya, banyak berlaku perkara-perkara ini, umpamanya ada banyak manusia-manusia yang kebanyakannya sudah puas dengan segala kehidupan lain-lain dan menumpukan kegiatannya, terutama di hari bersamanya, atau di masa lapangnya dengan memburu. Ada yang suka memburu binatang-binatang liar yang besar-besar: gajah, harimau, beruang, buaya. Buaya ini ada banyak jenis, Tuan Yang di-Pertua. Ada buaya tembaga, ada buaya katak, ada buaya dipanggil abdul, di mana buaya ini boleh hidup di dua benua, laut dan darat.

Tuan Yang di-Pertua, juga binatang-binatang lain yang boleh dimakan, umpamanya, seperti rusa, pelanduk, ayam denak, burung-burung yang boleh dimakan dan lain-lain binatang. Ada juga antara mereka itu yang mencari kehidupannya dengan memburu binatang liar ini mengambil kulitnya, menjadikan punca rezeki atau punca business, dengan izin, mereka.

Umpamanya, kulit ular, kulit buaya, kulit biawak, kulit burung dan binatang yang mempunyai bulu-buluan. Begitu juga jenis burung-burungan. Banyak sangat mereka ini teraniaya. Banyak kekacauan berlaku di .keluarga burung-burung ini apabila mereka didatangi oleh pemburu-pemburu yang gila memelthara burung-burung, Tuan Yang di-Pertua, Sampai ada cerita isteri minta cerai kerana suaminya asyik dengan memelihara burung-burungnya, mengajar burung-burung bercakap, meneliti burung-burungnya. Berlaku kekecohan kerana isteri atau pembantu rumah tidak mahu memberi perhatian kepada burung-burung yang ditangkap daripada hutan-hutan pendalaman ini. Burung-burung ini diletakkan di dalam sangkar yang begitu cantik, Tuan Yang di-Pertua, di rumah-rumah mereka, lalu dipelihara dengan penuh kasih sayang tanpa memikirkan yang di dalam sangkar itu sebenarnya "mata lepas badan terkurung", siksa rindu kepada kumpulan-kumpulan masyarakatnya sendiri, diasingkan daripada keluarganya dan mereka sentiasa merincih dan berbunyi sayu-sayu kerana kehilangan suami. Binatang pun ada keluarga, Tuan Yang di-Pertua, anak-anak, adik-beradik dan kumpulan masyarakat burung-burung ini.

Tetapi yang memeliharanya seronok dan suka ketawa terkitai-kitai menengok burungnya berbunyi dan mendengar suara-suara rintihan yang dia tidak faham sama sekali. Terdapat juga kecenderungan pada burung-burung Tuan Yang di-Pertua, mengisi masa lapang ini tertembak sesama sendiri.

Kita dengar banyak ceritanya bagi pemburu dua kumpulan dia bergerak-gerak difikirnya itu binatang buruan, rusa bertanduk emas mungkin, gajah bergading emas lalu ditembak, rupanya yang ditembak ialah sahabatnya sendiri. Ini juga berlaku kerana mungkin tidak ada undang-undang yang keras atau yang dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi keliru, samar-samar, lemah tidak dapat hendak mengawal keadaan begini dan kuasa diberi kepada satu orang. Tuan Yang di-Pertua, mustahil seorang boleh menjaga seluruh hutan-hutan kita yang begitu indah, cantik yang penuh dengan hidupan liarnya.

Saya bersetuju undang-undang ini supaya jangan nanti di tahun 2500 umpamanya anak-anak kita tidak tahu, tidak dapat tengok apa yang dikatakan 'pak belang', harimau bintang, landak, tenuk.

Saya sendiripun sekarang ini kalau hendak tengok tenuk ini, tengok dalam gambar sahaja, dahulu dekat kampung saya tenuk ini sekali-sekala dia datang melawat ladang saya - tenuk atau badak Tuan Yang di-Pertua lain-lain binatang liar juga tidak terdapat di negara-negara lain tetapi ada di negara kita. Jadi, kalau ada undang-undang begini insya-Allah tidaklah pupus keturunan binatang-binatang yang berkenaan.

Kita pernah lihat berapa binatang-binatang ini telah begitu terseksa apabila kawasan mereka dibanjiri oleh air akibat Ampangan

Kenyir, kita boleh lihat manusia pun takut dengan air apabila sudah menjadi musuhnya, maka binatang-binatang ini begitu juga, beribu-ribu binatang telah mati dengan sengsara, seksa kerana kepesatan pembangunan dan ingin memberikan nikmat hidup kepada manusia, kerana mungkin sebelumnya tidak difikirkan bagaimana perlindungan ini diberikan dengan secara seriusnya.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah kebanyakan daripada undang-undang ini bermula daripada Seksyen 29 hingga sampai Seksyen 41, kemudian berterusan dengan Seksyen 43 hingga Seksyen 62, ialah penambahan hukuman sama ada denda dengan wang ringgit atau penjara. Syabas kepada pihak yang menggubal undang-undang, kerana ada kala manusia ini tidak sedar dan tidak tinggi nilai kemanusiaannya, kerana mereka tidak disedarkan dengan sedikit penyiksaan atau sedikit dugaan yang baik, Mungkin apabila mereka terkena denda begini digari tangannya kerana menembak binatang-binatang yang tidak sepatutnya menjadi mangsa mereka dila tersedar beginilah rupanya, sakitanya, seksanya kalau kita teraniaya atau kalau kita dipisahkan dengan kaum kerabat atau keluarganya,

Tuan Yang di-Pertua, sah Rang Undang-undang yang ada ini setimpal dengan mereka yang kering kemanusiaannya, dan saya sangat bersyukur kerana saya sendiri adalah seorang yang sangat menyintai binatang-binatang liar, margastua juga binatang-binatang pemeliharaan atau binatang-binatang ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga kejadian jenayah berlaku atas kelonggaran undang-undang kita. Umpamanya satu cerita yang membawa kisah asmara di antara seorang isteri dengan seorang sahabat kepada suaminya, bagaimana mereka hendak berkahwin sedangkan si suami masih segak tampan dan masih cukup lengkap segalanya, masih kasih dan

sayang pada isteri lalu dirancanglah satu pesta memburu, maka dalatn keadaan memburu itu kesayangan isteri telah menembak suaminya yang berkenaan kemudian ditanam begitu sahaja, kemudian terbongkarlah rahsia itu. Ini pernah berlaku pada tahun 1979 kerana yang berkenaan itu ada kaitan dengan saya, jadi itu satu contoh teladan betapa pemburuan menjadi berbagai-bagai padang untuk melakukan kezaliman dan untuk menunjukkan bahawa manusia itu tidak mempunyai peri kemanusiaan. Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan undang-undang ini tidak dapat perkara ini berlaku.

Lagi satu perkara yang ada juga berlaku pada pemburu-pemburu yang berpura-pura memburu, tetapi sebenarnya berjumpa-jumpa mengadakan meeting sulit di padang-padang pemburuan, untuk tujuan penyeludupan kayu-kayuan, penyeludupan besi-besian, penyeludupan barangan-barangan lain yang diharamkan oleh cukai negara kita dan penyeludupan sang najis dadah, ini juga berlaku menyamar sebagai pemburu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya sakit rasanya mendengar dan melihatnya ialah betapa seorang pemburu menembak burung-burung yang berterbangan kerana hobi semata-mata bukan kerana hendak makan atau hendak jual, hobi dia bila burung itu terbang melayang - tembak, dengan izin, he is the best shooter, dia adalah seorang penembak yang handal dan selalunya kalau ada si cantik manis di sebelah, itulah ketikanya dia hendak menunjukkan kehandalannya menembak burung-burung raja udang yang sedang berterbangan menikmati keindahan alam dengan udara nyaman lalu menembaknya jatuh satu persatu, dan dijadikan satu bahan 'show off' tunjuk gagah untuk merebut rasa kasih sayang daripada si cantik manis di sebelahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bagaimana dengan keadaan burung gagak dan juga berkenaan dengan lagi satu binatang kelawar. Adakah ia tidak termaktub dalam undang-undang ini? Kita tahu telah diadakan pertandingan menembak gagak, siapa dapat banyak, dapat hadiah kerana gagak ini sudah mengancam keselamatan manusia.

Saya setuju kalau agaknya sudah sampai mengancam perlulah diambil tindakan, tetapi kalau ini berterusan nanti Malaysia Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pula burung gagak hitam, lagu ada 'kakak tua'. Begitu juga berkenaan kelawar, rasanya baik juga binatang ini diberi perlindungan kerana baja kelawar mahal, jadi kalau binatang kita hapuskan mungkin kita dapat mengeluarkan hasil baja kelawar daripada negara kita. Kalau di Bali, Indonesia kelawar ini didewakan, dipelihara dengan begitu baik diberikan tempat dan diberikan kemudahan-kemudahan asas infrastruktur yang macamana Wakil-wakil Rakyat perjuangkan untuk penyokong ataupun rakyat di kawasan masing-masing.

Saya tidak tahu di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, apakah ini ada dilakukan, pemeliharaan kelawar dengan diberi kemudahan-kemudahan tempat-tempat untuk mereka itu membiak dengan tujuan pertama perlindungan hidupan liar sebagai satu margastua negara dan satu lagi kerana bajanya, kerana najisnya boleh dibuat baja.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu penyeksan yang saya tidak nampak adakah termaktub atau tidak di dalam Akta ini ialah mengenai binatang-binatang yang diambil bulunya, kambing biri-biri, arnab umpamanya dan binatang-binatang lain seperti tupai dan juga binatang-binatang yang mempunyai bulu yang cantik-cantik. Kedapatan

seorang peternak biri-biri menggunting bulu biri-birinya tidak ikut sistem, tumbuh sahaja - gunting, tumbuh sahaja - gunting, ini menyeksakan sebab bulu itu sebahagian dari anggota tubuh binatang yang berkenaan, kalau digunting mengikut masa mungkin tidak jejas, tetapi kalau tidak ikut masa tentulah menimbulkan rasa kesengsaraan terdedah kepada kesejukan dan mungkin menimbulkan penyakit-penyakit kulit umpamanya kepada binatang yang berkenaan. Sama ada ianya dilindungi atau tidak, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya suka memetik sedikit di Akta ini iaitu mengenai Fasal 4 metni.nda subseksyen (1) dan sub-seksyen (7) Seksyen 4 lagi memperuntukkan perlantikan seorang Timbalan Ketua Pengarah Perlindungan Hidupan Liar di Taman Negara dan bagi meletakkan padanya semna kuasa di bawah Akta. Syukur Alhamdulillah kerana sudah banyak memegang kuasa boleh menjalaakan kerja dengan baik cuma biarlah kena pada orang yang sesuai kerana biarlah mereka ini daripada orang-orang yang mengasihi hidupan liar mergastua, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian Pasal 6 iaitu mengenai perenggan (c) Seksyen 6 juga memperuntukkan keadaan yang lain di mana warran geledah boleh dikeluarkan oleh Majistret. Ini juga sangat penting, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti saya kata tadi kebanyakan hutan-hutan kita terdedah, tidak ada siapa menjaga, tidak ada siapa mengawal. Sesiapa yang ingin memburu, dia pakat-pakat dua tiga ompat orang dia pun turun memburu, tidak ada minta kebenaran, lalu pergi mernburu sesuka hatinya, tembak sahaja binatang-binatang sama ada belum cukup umur di tembak ataupun diburu dan dijerat ataupun dibuat macam-macam cara untuk mengambil nyawanya. Rasa saya ini juga boleh dipanggil sebagai, dengan izin, the killer, pembunuh Tuan Yang di-Pertua. Tetapi mungkin saya keterlaluan sedikit dalam hal ini.

Kemudian saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 10 iaitu diberi kuasa kepada pegawai dengan bantuan Polis untuk mendirikan satu rintangan dan sekatan jalan raya, sekiranya terdapat kejadian-kejadian itu dilaporkan kemudian bolehlah disekat serta

merta, bolehlah mereka ini diambil tindakan dengan serta raerta, tidaklah seperti sekarang, satu kejadian berlaku di tahun 70an, hanya dapat dibongkar pada tahun 80an bertahun lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 12 Seksyen 20 memberi kuasa penyiasatan kepada Timbalan Pengarah dan Penolong Pengarah Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara selain daripada Ketua Pengarah Hidupan Liar dan Taman Negara sendiri. Ini juga akan dapat membantu bahawa makhluk Tuhan yang diberi nama binatang liaran atau bentuk mergastua ini akan dapat diberi perlindungan yang sewajarnya sesuai dengan rasa kemanusiaan dan dengan suasana atau geographi negara kita ini sendiri yang terkenal sebagai negara yang mempunyai hutannya yang unik dan juga binatang-binatang liarnya hidup-hidupan liarannya yang menarik perhatian pelancong-pelancong di luar negeri. Jangan lupa ada rama-rama kita, kupu-kupu kita terdapat di hutan di Sarawak iaitu di Kundasang yang tidak ada persamaannya dengan rama-rama atau kupu-kupu di luar negeri. Banyak orang cuba hendak mengambil, hendak mengeringkannya dan menjualnya secara haram.

Begitu juga binatang-binatang liaran lain yang cantik, kita mempunyai beribu-ribu jenis burung-burung. Jadi, dengan adanya undang-undang ini, insya Allah, makhluk Allah ini akan bebas menikmati hak-hak asasinya, yang tidak punya Wakil Rakyat, tidak punya Dewan Negeri dan Dewan Rakyat ini dapat kita naungi demi untuk kesejahteraan dan penghidupan serta mengenalpasti negara kita sebagai negara yang cukup lengkap dari segala Ilmu Alamnya alam semula jadinya binatang-binatang yang cantik dan uniknya juga dengan pemesatan pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya raenyokong suatu Akta bagi meminda Akta Hidupan Liar 1972 ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said.

6.24 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun masa tinggal lima minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Esok hari boleh menyambung.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said Saya bangun turut menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat dibandar mungkin tidak sedar betapa mustahaknya kewujudan hidupan liar di dalam hutan belantara negara kita dari Perlis hingga ke Sabah, Sarawak dan kadangkala yang metnbela hidupan liar di tepi-tepi jalan atau di pasar, di bandar atau penghuni-penghuni di bandar-bandar besar. Kita pernah mendengar cerita-cerita bagaimana orang-orang tertentu yang berlagak sebagai pemburu mencari rezeki mereka di dalam hutan menangkap atau membunuh hidupan liar secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, daging-daging atau kulit-kulit setengah hidupan liar seperti ular, kera dan sebagainya menjadi barang dagangan manusia yang tidak menghormati undang~undang negara.

Kita pernah juga dengar bagaimana manusia-manusia di bandar-bandar besar dijamu dengan otak-otak kera secara hidup-hidup. Ini zalim. Kononnya boleh memberi kekuatan tenaga batin. Mereka sanggup bersikap zalim terhadap monyet atau kera yang

telah diikat dan memotong tempurung kepalanya untuk menghisap otak-otak kera atau monyet tersebut hidup-hidup. Sungguh ngeri Tuan Yang di-Pertua. Perbuatan sebilangan manusia yang terlibat dalam aktiviti haram itu, hendak katakan manusia tetapi perasaannya seperti lebih buruk dari haiwan, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar ini adalah sangat wajar memandangkan kepada beberapa kejadian yang raana pihak yang berkuasa tidak boleh bertindak kerana tidak mempunyai kuasa tertentu di dalam Akta tersebut. Tujuan Kerajaan ialah pihak penguatkuasa dari Jabatan Hidupan Liar akan dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lebih berkesan lagi mencegah penangkapan atau pembunuhan hidupan liar secara haram. Pihak yang berkuasa harus juga membuat penyiasatan di segenap bandar kecil atau pekan khususnya di kedai-kedai yang menjual hidupan liar seperti kedai-kedai sup ular, buaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan dari masyarakat kita yang amat gemar melihat hidupan liar di rumah mereka tanpa menyedari kesalahan menurut undang-undang lebih banyak lagi hidupan liar itu ditangkap atau dibunuh. Hutan belantara negara kita tidak lama lagi akan pupus hidupan liarnya yang menjadi lambang atau identiti negara kita. Oleh itu dengan peruntukan yang baru kita berharap pegawai-pegawai penguatkuasa yang berkenaan akan mengambil tahu sama ada hidupan liar yang sedang dipelihara oleh sebilangan peminat-peminat hidupan liar itu mempunyai dokumen-dokumen yang sah. Ada yang pembela-pembela burung, peminat-peminat buaya, peminat-peminat monyet, peminat-peminat ikan misalannya ada ikan-ikan yang berharga \$2,000 - \$3,000. Ini pun kita hendak

pastikan mereka ini ada dokumen atau tidak. Kalau ikan yang dimakan hari-hari tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua, ini ada yang nama Ikan emas, ikan perak dan sebagainya. Dan dijadikan pertarungan sebagai perjudian. ini menggalakkan judi. Ini kita hendak ambil kira juga kepada pihak yang berkenaan.

Selatan dari itu dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada para pegawai penguatkuasa, kita berharap jangan pula harap pagar, pagar makan padi kerana orang-orang yang berlagak sebagai pemburu itu mungkin arif dengan undang-undang untuk memperdayakan para pegawai tersebut. Kalau dia berlagak pakai uniform pegawai, dia memburu, dia kata pegawai pun boleh jadi, jadi jangan sama nanti pemburu dengan pegawai sama pakaian, kena ubah. Kalau pemburu dalam hutan pakai baju hijau, pegawai mesti pakai baju merah. Kalau pemburu dalam hutan pakai baju kuning, pegawai mesti pakai baju biru. Jangan sama, kita takut dia akan berlagak atau menyamar sebagai pegawai-pegawai. Jabatan yang berkenaan juga haruslah mengambil langkah-langkah cergas sepercipi menyiarkan berita-berita melalui radio dan TV. Maksud saya penerangan yang jelas hendaklah diberitahu kepada orang ramai kerana Rang Undang-undang ini adalah Rang Undang-undang yang lebih kemas dan meluas lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung pada esok hari kerana masa kita sudah pun cukup.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Hohd. Said: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-abli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang, hari esok, hari Khamis 17hb Disember, 1987 .

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

**[Jawapan bagi Pertanyaan No. 27 hingga 30
adalah diberi di bawah ini]**

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS DI SEKOLAH-SEKOLAH

27. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar murid-murid di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan tidak dibekalkan dengan buku KBSR bagi mata pelajaran ibunda (Bahasa Tamil/Bahasa Cina) walaupun murid-murid ini layak menerimanya. Jika sedar, kenapa mereka tidak dibekalkan dengan buku-buku itu. Bilakah buku-buku ini akan dibekalkan kepada murid-murid yang layak ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Skim Pinjaman Buku Teks, buku-buku teks dibekalkan ke sekolah-sekolah mengikut permintaan yang didasarkan kepada keperluan sekolah itu. Oleh itu sekiranya ada sekolah-sekolah yang memerlukan buku-buku teks bagi mata pelajaran ibunda ini, sekolah-sekolah yang berkenaan bolehlah membuat permohonan kepada Kementerian Pendidikan.

PERKHIDMATAN TREN EKSPRES MALAM

28. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bolehkah Keretapi Tanah Melayu memperkenalkan perkhidmatan keretapi penumpang antara Butterworth dan Singapura pada waktu malam seperti Ekspres Rakyat dengan kemudahan tempat tidur.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Keretapi Tanah Melayu memang ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan tren Ekspres Malam di antara Butterworth dan Singapura. Tetapi rancangan ini adalah masih dalam peringkat kajian dan ianya adalah tertakluk kepada stok koci yang mencukupi.

.KAKITANGAN KERAJAAN BAGI LELAKI DAN PEREMPUAN

29. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasomi minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan seluruh negara (a) berapa lelaki dan (b) berapa wanita. Adakah Perdana Menteri bercadang mengadakan rayuan supaya wanita meletakkan jawatan untuk diisi oleh kaum lelaki sahaja dan wanita menjadi pengurus rumah sejati.

Tuan Othman bin Abdul: Jumlah kakitangan Kerajaan di seluruh negara pada 31.8.1987 ialah 698,219 orang. Dari jumlah ini 484,953 adalah lelaki dan 213,266 perempuan. Pengambilan setiap kakitangan dibuat berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu yang antara lain termasuklah kelayakaa akademik, merit, kebolehan dan pengalaman serta kesesuaian calon. Permohonan adalah terbuka kepada semua calon yang layak tanpa mengira keturunan atau jantina. Oleh itu Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengadakan rayuan supaya kaum wanita meletakkan jawatan untuk diisi oleh kaum lelaki sahaja dan wanita menjadi pengurus rumah sejati, sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat.

INDUSTRI KECIL - GALAKAN

30. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil di Sarawak; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan usaha-usaha itu setakat ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Abdul Ghafar bin Baba]:

- (a) Seperti negeri-negeri lain juga, Negeri Sarawak tidak ketinggalan dalam usaha-usaha Kementerian ini untuk menggalakkan pertumbuhan industri kecil melalui berbagai-bagai program

yang dikelolakan oleh agensi-agensinya seperti Bahagian Perusahaan Kecil, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKK.M), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan lain-lain. Program-program tersebut bertujuan untuk memberi berbagai jenis bantuan dan khidmat seperti bantuan mesin dan peralatan, bantuan bengkel dan tapak, pinjaman, latihan dan bimbingan, promosi dan pemasaran, penyelidikan, ceramah dan pameran serta khidmat nasihat. Kementerian juga menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang memberi sumbangan dalam usaha membangunkan perusahaan kecil.

- (b) Di bawah Skim Pinjaman Bank Dunia, sejumlah \$1,010,000/- telah diluluskan untuk 9 buah projek di Sarawak. Setakat ini di bawah Program Industri Kampung sebanyak 13 buah projek telah diluluskan bantuan mesin dan peralatan berjumlah \$60,744/-. Sebuah Skim Kilang Bimbingan sedang dalam perancangan di Semeriang, Kuching, Sarawak. Satu bancian industri kecil akan diadakan mulai bulan ini yang meliputi semua negeri termasuk Sarawak. Maklumat-maklumat industri kecil ini amat berguna bagi memajukan industri kecil di Sarawak.

